



PARLIMEN KELIMA BELAS



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

**TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA, JABATAN KERJA
RAYA MALAYSIA, JABATAN KERJA RAYA
SARAWAK DAN JABATAN KERJA RAYA
SABAH BAGI SYOR-SYOR PAC PARLIMEN
BERHUBUNG PENGURUSAN NAIK TARAF
DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN
DAIF DI SEKOLAH (DR.6/2024)**

DR.22 TAHUN 2024






AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 15

- | | |
|---|--|
| 1. YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin [Masjid Tanah] | -Pengerusi |
| 2. YB Puan Wong Shu Qi [Kluang] | -Naib Pengerusi |
| 3. YB Tuan Syahredzan Johan [Bangi] | |
| 4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] | |
| 5. YB Dato' Adnan Abu Hassan [Kuala Pilah] | |
| 6. YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa [Tampin] | |
| 7. YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] | |
| 8. YB Tuan Ts. Zahir Hassan [Wangsa Maju] | |
| 9. YB Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong] | |
| 10. YB Tuan Haji Azli Yusof [Shah Alam] | |
| 11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail [Kubang Pasu] | |
| 12. YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman [Sik] | |
| 13. YB Datuk Ali Anak Biju [Saratok] | |
| 14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] | |
| 15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin | -Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat |

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
5. Jabatan Audit Negara (JAN)
6. Kementerian Ekonomi
7. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)



MUKA SURAT 1 - 2

PENDAHULUAN

MUKA SURAT 3 - 9

LATAR BELAKANG

MUKA SURAT 10 - 24

**TINDAKAN SUSULAN BAGI SYOR-SYOR PAC
PARLIMEN**

MUKA SURAT 25

PENUTUP

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

KANDUNGAN

**LAPORAN TINDAKAN
SUSULAN BERHUBUNG
PENGURUSAN NAIK TARAF
DAN PEMBANGUNAN
SEMULA BANGUNAN DAIF
DI SEKOLAH**



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN

TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA, JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA, JABATAN KERJA RAYA SARAWAK DAN JABATAN KERJA RAYA SABAH

BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN

BERHUBUNG

PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH (DR.6/2024)

1. PENDAHULUAN

Jabatan Audit Negara (JAN) telah menjalankan pengauditan terhadap sekolah yang diluluskan projek daif dan yang belum diangkat permohonan projek daif bagi tempoh 2019 hingga 2022. Pengauditan meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah serta pengurusannya. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2022, Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan (Jilid 2) melaporkan hasil pengauditan tersebut bagi tempoh 2019 hingga 2022.

LKAN 2022, Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan (Jilid 2) mendedahkan bahawa pengurusan naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan kerana daripada 1,505 sekolah yang dikenal pasti mempunyai bangunan daif,

hanya 411 (27.3%) sekolah diangkat permohonan pelaksanaan projek daif kepada Kementerian Ekonomi (KE). Bagaimanapun, sehingga 31 Disember 2022, hanya 123 (31.9%) daripada 386 sekolah yang dilaksanakan projek daif telah siap dan keberhasilan pengurusannya tidak tercapai sepenuhnya kerana sebahagian projek masih dalam fasa pelaksanaan atau belum dimulakan.

Antara isu utama yang telah dibangkitkan adalah seperti berikut:

- i. keperluan mengangkat lebih banyak permohonan projek daif untuk kelulusan bagi memastikan sekolah yang dikenal pasti mempunyai bangunan daif diambil tindakan segera;
- ii. kelewatan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) serta pembangunan projek daif menyebabkan beberapa sekolah masih menggunakan bangunan atau ruangan yang tidak selamat;
- iii. pelaksanaan sesi libat urus dengan semua pihak yang terlibat dan bertanggungjawab bagi menyelaraskan serta memenuhi keperluan agensi yang terlibat dan pengguna;
- iv. perancangan penyuraian murid supaya pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat dilaksanakan dalam keadaan yang selamat dan kondusif; dan
- v. pelaksanaan penyenggaraan secara berkala bagi memastikan bangunan sekolah sentiasa dalam keadaan selamat dan kondusif untuk tujuan PdP.

Atas sebab itu, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah membincangkan isu ini melalui Prosiding Bil. 2/2024 dan Prosiding Bil. 2(a)/2024 pada 17 Januari 2024 yang bertujuan untuk mengkaji dan meneliti sama ada peruntukan yang telah disalurkan untuk kerja-kerja naik taraf serta pembangunan semula bangunan daif di sekolah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan mengikut garis panduan serta prosedur perolehan yang ditetapkan Kerajaan.

Lanjutan itu, Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah tersebut (DR.6/2024) telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 21 Mac 2024.

2. LATAR BELAKANG

PAC Parlimen telah membentangkan Laporan PAC Parlimen (DR.6/2024) bertajuk Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia, JKR Sarawak dan JKR Sabah pada 21 Mac 2024.

Dalam laporan berkenaan, PAC telah mengemukakan rumusan dan empat (4) syor yang perlu diambil tindakan oleh KPM, JKR Malaysia, JKR Sarawak dan JKR Sabah iaitu:

- i. KPM perlu melancarkan Program Sifar Bangunan Sekolah Daif seluruh negara selaras dengan komitmen KPM untuk mewujudkan persekitaran yang selamat dan kondusif bagi pelaksanaan PdP;
- ii. KPM perlu meningkatkan perancangan dan pelaksanaan program penyenggaraan sekolah-sekolah bagi mengurangkan kebarangkalian sekolah-sekolah berkenaan dikategorikan sekolah daif;
- iii. KPM perlu memantapkan kaedah pengurusan projek melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian secara berterusan bagi memastikan semua projek yang dirancang siap mengikut jadual; dan
- iv. Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Semula Bangunan Daif Di Sekolah yang dipengerusikan oleh KPM perlu diperkasakan supaya lebih efektif bagi menangani isu-isu sekolah daif.

Berdasarkan Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023), tindakan susulan perlu diambil oleh KPM, JKR Malaysia, JKR Sarawak dan JKR Sabah selepas Laporan PAC tersebut dibentangkan di Dewan Rakyat.

KPM melalui MOF telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Interim terhadap Syor-syor Laporan PAC berhubung Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah kepada PAC pada 25 April 2024. Seterusnya, KPM melalui MOF telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Muktamad Pegawai Pengawal terhadap Syor-syor Laporan PAC tersebut pada 27 Jun 2024.

Berikutan itu, PAC telah mengadakan Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke atas Syor-syor PAC Parlimen berhubung Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah di bawah KPM, JKR Malaysia, JKR Sarawak dan JKR Sabah pada 3 Julai 2024 melalui mandat dan punca kuasa seperti berikut:

- i. Peraturan Mesyuarat 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR);
- ii. Perkara 304 (b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023); dan
- iii. Seksyen 5 (3) (b), Pekeliling Am No. 1 Tahun 2024 Organisasi Kementerian-Kementerian.

Dalam memastikan syor-syor PAC dipatuhi, satu Lawatan Kerja telah diadakan pada 24 April 2024 dan 23 Mei 2024 bagi melihat perkembangan terkini bagi tindakan-tindakan yang telah diambil oleh KPM dan JKR terhadap syor-syor Jawatankuasa ini dalam Laporan PAC berhubung Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah.

Berikut adalah kronologi Tindakan Susulan yang telah diambil KPM dan JKR terhadap Syor-Syor Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah (DR. 6/2024) seperti jadual berikut:

BIL.	TARIKH/ MASA	PERKARA
1.	21 Mac 2024/ 10.00 pagi	Pembentangan Laporan PAC Parlimen di Dewan Rakyat
2.	24 April 2024	Lawatan Verifikasi terhadap Tindakan Susulan yang diambil KPM dan JKR di Baling dan Sik, Kedah.
3.	25 April 2024	Laporan Tindakan Susulan Interim - Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi di bawah Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) (DR. 4/2024) telah dikemukakan oleh MOF.

BIL.	TARIKH/ MASA	PERKARA
4.	23 Mei 2024	Lawatan Verifikasi terhadap Tindakan Susulan yang diambil KPM dan JKR di Sandakan, Sabah.
5.	27 Jun 2024	Laporan Tindakan Susulan Muktamad - Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi di bawah Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) (DR. 4/2024) telah dikemukakan oleh MOF.
6.	3 Julai 2024/ 12.00 tengah hari	Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-Syor PAC Parlimen bagi Laporan PAC Parlimen (DR. /2024) Saksi: i. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) - YBr. Tn. Ramzi bin Mansor, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan) ii. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) - YBhg. Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi, Ketua Setiausaha - YBr. En. Wan Hashim bin Wan Rahim, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan) iii. Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia - YBr. Ir. Ahmad Shahrudi bin Ahmad, Pengarah (Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan) iv. Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak - Pn, Hjh. Sharifah Liz Farawati binti Wan Omar, Timbalan Pengarah (Bangunan dan Pakar) v. Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah - En. Petrocelli Joseph, Penolong Pengarah (Projek Bangunan)

3. LAWATAN VERIFIKASI MOF TERHADAP TINDAKAN SUSULAN YANG DIAMBIL

Berdasarkan Perkara 304(b) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023), MOF bersama Sekretariat PAC telah mengadakan Lawatan Verifikasi terhadap tindakan susulan yang diambil KPM dan JKR terhadap sebuah sekolah di Baling, Kedah, sebuah sekolah di Sik, Kedah dan tiga (3) sekolah di Sandakan, Sabah bagi memastikan syor-syor PAC dipatuhi.

Sesi lawatan verifikasi ini melibatkan penyertaan pegawai daripada MOF, KPM, JKR dan Sekretariat PAC dengan mengadakan lawatan fizikal dan temu ramah dengan pihak yang berkaitan bagi sekolah seperti berikut:

- i. Lawatan verifikasi pada 24 April 2024:
 - a. Sekolah Kebangsaan Tanjung Pari, Baling, Kedah; dan
 - b. Sekolah Kebangsaan Seri Ampang Muda, Sik, Kedah.
- ii. Lawatan verifikasi pada 23 Mei 2024:
 - a. Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Pengiran Galpam, Sandakan, Sabah;
 - b. Sekolah Kebangsaan Sri Tanjung Papat 1, Sandakan, Sabah; dan
 - c. Sekolah Kebangsaan Muhibbah, Sandakan, Sabah.

Secara keseluruhannya, didapati bahawa pihak KPM dan JKR telah mula mengambil tindakan proaktif dan sedang melaksanakan penambahbaikan secara berterusan berdasarkan kepada syor-syor PAC serta pengajaran (*lesson learnt*) hasil daripada proses yang telah dilalui bersama pihak PAC dan Jabatan Audit Negara (JAN).

Berdasarkan dua (2) siri lawatan yang telah dilaksanakan mendapati bahawa terdapat tindakan susulan boleh dijadikan contoh dan amalan baik kepada semua sekolah, pengurusan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), seperti inisiatif penyuraian murid ke kabin sementara yang disewa oleh JPN Kedah untuk memastikan kelangsungan sesi PdP secara selamat dan kondusif sementara perolehan dan pembinaan berkaitan disiapkan.

Selain itu, terdapat juga keperluan penambahbaikan yang perlu diambil tindakan pemantauan dan verifikasi bagi memastikan data Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan

(EMIS) berintegriti kerana pemahaman pentadbir sekolah dan cara pengisian sistem oleh Guru Data di PPD Sik dan PPD Sandakan adalah berbeza.

Bagi aspek pengurusan projek, terdapat lagi ruang untuk penambahbaikan daripada sudut libat urus berterusan bersama pihak agensi berkepentingan seperti JKR, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan penyedia kemudahan utiliti bagi melancarkan pelaksanaan projek serta kelangsungan sesi PdP secara kondusif di samping menjamin keselamatan dan keselesaan pelajar dan guru.

4. LAWATAN VERIFIKASI DI KEDAH DAN SABAH

PAC Parlimen dengan kerjasama MOF serta KPM dan JKR telah mengaturkan dua (2) Lawatan Verifikasi ke Baling dan Sik di Kedah pada 24 April 2024 dan Sandakan, Sabah pada 23 Mei 2024 bagi meninjau dan melihat perkembangan terkini tindakan-tindakan yang telah diambil oleh KPM dan JKR terhadap syor-syor PAC dalam Laporan PAC berhubung Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah

Lawatan verifikasi sekolah yang telah ditinjau dan dilawati diringkaskan seperti berikut:

4.1. Sekolah Kebangsaan Seri Ampang Muda, Sik, Kedah:

Sekolah dengan keluasan 2 ekar di daerah Sik ini menjadi medan penyampaian ilmu bagi 25 orang guru kepada 350 orang murid. Pihak sekolah telah memaklumkan bahawa sekolah tersebut terletak di kawasan laluan air hujan ke sungai dan sering kali dilanda banjir kilat. Perabot dan kelengkapan sekolah telah mengalami kerosakan berikutan perkara ini dan turut menjadi mangsa musibah banjir di Baling pada September 2023.

Lawatan verifikasi dan tinjauan tapak telah dilaksanakan bagi melihat kemajuan pembangunan blok bangunan baru bagi sekolah berkenaan. Pembangunan ini turut melibatkan, keperluan robohon dan pembinaan semula surau sekolah sedia ada kerana kawasan sekolah yang terhad. Bagi memberi laluan kepada pembangunan tersebut,

pihak JPN Kedah telah mengambil inisiatif penyewaan kabin bagi tujuan penyuraian murid.

Inisiatif ini membenarkan sesi PdP untuk berlangsung seperti biasa dengan selesa dan selamat kerana dilengkapi dengan perabot serta persekitaran yang kondusif. Usaha positif ini telah giat diperluaskan bagi sekolah-sekolah yang terlibat dengan projek pembangunan di seluruh Negeri Kedah dan dapat dilihat melalui rajah-rajah berikut:



Tindakan KPM ini melibatkan Syor PAC Nombor 1.

4.2. Sekolah Kebangsaan Tanjung Pari, Baling, Kedah:

Sekolah di daerah Baling ini menjadi tempat menuntut ilmu bagi 217 orang murid yang dibimbing oleh 27 orang guru. Pihak sekolah telah memaklumkan kondisi bangunan yang usang dan lama. Kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan struktur bumbung, siling, pintu, tingkap, dan pendawaian semula elektrik telah dijalankan terhadap blok kelas pemulihan sekolah berkenaan.

Selain kerja-kerja tersebut, pihak JPN turut memaklumkan bahawa masih terdapat penggunaan bahan tekstur siling yang mengandungi asbestos bagi blok bangunan lama yang kini dalam perancangan penggantian melalui penyenggaraan yang akan datang. Berikut adalah gambaran sebelum, semasa dan selepas penyenggaraan yang dijalankan bagi blok kelas pemulihan tersebut:

Sebelum



Semasa



Selepas



Tindakan KPM ini melibatkan Syor PAC Nombor 1.

**TINDAKAN SUSULAN BAGI
SYOR-SYOR PAC
(DR.6/2024)**

5. TINDAKAN SUSULAN BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 6/2024)

- 5.1. Syor 1: KPM perlu melancarkan Program Sifar Bangunan Sekolah Daif seluruh negara selaras dengan komitmen KPM untuk mewujudkan persekitaran yang selamat dan kondusif bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP).**


Maklum Balas KPM:

- 5.1.1. Secara keseluruhan, terdapat 10,232 buah sekolah dengan 109,155 blok bangunan sekolah yang perlu dikawal selia oleh KPM. Berdasarkan semakan, dianggarkan sehingga 60% daripada jumlah sekolah tersebut telah mencapai usia 50 tahun ke atas.
- 5.1.2. Jumlah bilangan sekolah daif adalah dinamik dan sentiasa berubah dari semasa ke semasa. KPM menyambut baik cadangan mensifarkan bangunan daif di sekolah dan berusaha untuk mencapai hasrat yang sama melalui langkah-langkah berikut:

I. Mengemaskini Data Keadaan Bangunan Sekolah Di Submodul Infrastruktur, Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan (EMIS)

- a) KPM mengguna pakai EMIS melalui Modul Infrastruktur sebagai pangkalan data tunggal pengurusan penyenggaraan dan pembangunan semula bangunan daif bermula tahun 2020. KPM komited untuk memastikan sistem ini sentiasa ditambahbaik dan dinaiktaraf agar ia menjadi suatu sistem yang holistik dan relevan. Semua modul yang terdapat dalam sistem ini merangkumi keperluan semasa dan integrasi data pada masa akan datang.
- b) Modul Infrastruktur EMIS ini merupakan pengisian keadaan fizikal blok/bilik di sekolah oleh Guru Data (GD) dan disahkan pengisian oleh Pengetua/Guru Besar (PGB) secara bulanan. Pengisian keadaan bangunan ini pula seterusnya perlu disahkan oleh Pegawai

Pengesah Skim J (PPJ) di PPD/JPN. Penentuan Skala 6 dan 7 akan dijana berdasarkan syor tindakan yang diberikan oleh PPJ. Tindakan dan tanggungjawab bagi penentuan keadaan fizikal bangunan EMIS adalah seperti dalam **Rajah 1**.



c) Bagi memastikan maklumat keadaan bangunan lebih tepat dan menggambarkan situasi sebenar di lapangan, KPM telah menambah baik perkara berikut:

i. Memastikan pengemaskinian data EMIS secara berkala

Pengemaskinian data yang dilakukan perlu melibatkan kerja penyelenggaraan yang telah dilaksanakan kepada bangunan supaya data infrastruktur bangunan adalah yang terkini.

Bagi tujuan itu, KPM telah mengeluarkan surat pelaksanaan pengurusan kutipan data EMIS bersama manual pengisian Modul Infrastruktur dan serta slaid verifikasi pengguna fasiliti oleh JKR. Kutipan dan semakan data dilaksanakan setiap bulan dan verifikasi data pada setiap suku tahun seperti. Panduan

ini disediakan agar GD dapat membuat pengisian yang betul dalam Modul Infrastruktur EMIS.

ii. Memberi latihan kepada Guru Data sekolah (GD)

Verifikasi berfokus bagi pengisian serta semak ralat EMIS bagi tahun 2024 secara dalam talian telah dirancang setiap bulan.

Selain itu, bengkel kerja pengisian Modul Infrastruktur EMIS secara bersemuka juga telah dirancang bagi tahun 2024.

Khidmat bantu untuk meningkatkan kemahiran guru data membuat pengisian yang tepat akan ditambah baik dengan fokus diberikan terhadap sekolah, PPD atau JPN yang dipilih menerusi analisis ralat pengisian berterusan dalam sistem EMIS.

iii. Mengadakan Sesi Libat Urus (SLU) bersama JKR

Khidmat nasihat teknikal JKR diperlukan bagi memeriksa dan mengesahkan keadaan bangunan serta mendapatkan syor kerja yang perlu dilakukan.

Berdasarkan Sesi Libat Urus (SLU) bersama JKR Negeri yang diadakan pada 05 Jun 2024, pihak JKR dimohon untuk membuat salinan laporan verifikasi keadaan bangunan kepada pihak PPD dan JPN. Ini memandangkan amalan sedia ada bagi mengkategorikan skala bangunan, adalah bergantung sepenuhnya kepada pengemaskinian pihak sekolah di sistem EMIS.

Salinan laporan verifikasi oleh pihak JKR akan membolehkan pihak PPD dan JPN membuat semakan terperinci keadaan sebenar bangunan di sekolah.

II. Menambahbaik Pengurusan Bangunan Berdasarkan Skala


- a) Bengkel Kerja Penyemakan Semula Skala Kondisi Sekolah Dengan Bangunan Daif pada 01-03 November 2023 telah mengenal pasti kelemahan pengurusan bangunan berdasarkan skala untuk ditambah baik. Secara umumnya, didapati skala sedia ada tidak mempunyai penetapan tindakan, skop pembaikan dan bahagian yang menyelaras untuk permohonan peruntukan.
- b) Oleh yang demikian, cadangan penambahbaikan yang dicadangkan menetapkan tindakan serta bahagian bertanggungjawab bagi setiap skala seperti **Jadual 1**.

JADUAL 1

	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5	Skala 6	Skala 7
CADANGAN TINDAKAN	Penyenggaraan					Naik Taraf	Roboh dan Bina Semula
BAHAGIAN DI KPM YANG BERTANGGUNGJAWAB	Bahagian Pengurusan Aset (BPA)					BP	BPPDP & BP

- c) Pada masa ini, takrifan sekolah daif ialah sekolah yang mempunyai bangunan di skala 6 dan 7. Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN), terdapat 1,094 sekolah yang masih belum diangkat permohonan pelaksanaan Projek Daif. **Rajah 2** menunjukkan status semasa bagi sekolah tersebut:


RAJAH 2



Kemaskini 6 Jun 2024

- d) KPM berhasrat untuk melakukan kerja Ubah Suai Naik Taraf (USNT) bagi bangunan berskala 6 memandangkan kerosakan bangunan tidak melibatkan struktur dan keadaan bangunan masih boleh dinaik taraf. Skop kerja USNT memerlukan kepakaran, kos yang lebih besar dan tempoh pelaksanaan kerja yang lebih panjang berbanding kerja penyenggaraan.
- e) Buat masa ini, KPM tiada peruntukan khusus untuk pelaksanaan kerja USNT. Sehubungan itu, KPM telah memohon untuk mewujudkan butiran projek bagi pelaksanaan kerja USNT institusi pendidikan kepada pihak Kementerian Ekonomi (KE).
- f) Perancangan pelaksanaan kerja USNT bagi bangunan berskala 6 akan melibatkan skop dan fasa seperti di **Rajah 3**.

RAJAH 3



g) Bagi pelaksanaan kerja USNT, Sesi Libat Urus (SLU) bersama dengan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dilaksanakan pada 5 Jun 2024 bagi menyelaraskan pelaksanaan kerja di peringkat negeri dan daerah.

h) Di samping itu, sebaik sahaja permohonan wujud butiran diluluskan oleh pihak Kementerian Ekonomi, KPM akan memohon kepada MOF untuk memudah cara tatacara perolehan agar had nilai ambang yang telah dinaikkan pada tahun 2022, 2023 dan 2024 diteruskan khusus untuk projek USNT ini sehingga selesai.

III. Menambahbaik Pengurusan Bangunan Berdasarkan Skala

a) KPM telah memohon lebih banyak projek roboh dan bina baharu bangunan daif dalam *Rolling Plan* (RP) kepada pihak Kementerian Ekonomi. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada tahap kesediaan di tapak dan faktor lain serta kedudukan kewangan semasa kerajaan. Bilangan permohonan bagi Projek Daif dalam RP adalah seperti di **Jadual 2**:

JADUAL 2

Tahun	Bil Permohonan	Bil Kelulusan
RP1 (2021)	50	50
RP2 (2022)	60	42
RP3 (2023)	85	85
RP4 (2024)	72	72
RP5 (2025)	121	TBC

IV. Menyuraikan Murid Daripada Bangunan Tidak Selamat

- a) Di samping itu, bagi memastikan pelaksanaan projek tidak menjejaskan pelaksanaan PdP, permohonan KPM kepada KE bagi RMKe-12 RP4 Tahun 2024 telah diluluskan skop penyuraian murid dengan penyewaan kabin. Salah satu contoh yang akan dilaksanakan dalam RP4 ialah Sekolah Kebangsaan Sungai Raya, Simpang Pulai, Ipoh.
- b) KPM membuat penelitian dan perancangan awal melibatkan projek yang mempunyai keperluan penyuraian murid bagi memastikan sesi PdP tidak terkesan sepanjang tempoh pembinaan. Kaedah penyuraian yang bersesuaian dengan keadaan di tapak, kos serta jumlah murid dikenalpasti lebih awal. Antara kaedah yang telah dilaksanakan ialah:
 - i. Menukar fungsi kegunaan bilik sedia ada;
 - ii. Menaik taraf ruang lain untuk dijadikan bilik darjah;
 - iii. Menyewa kabin/ menyediakan bangunan sementara;
 - iv. Melaksanakan PdP secara 2 sesi; dan
 - v. Menyuraikan murid ke sekolah lain yang berhampiran.

Ulasan PAC:

PAC mengambil positif terhadap inisiatif penambahbaikan yang telah diambil pihak KPM dan JKR dalam usaha program sifar bangunan daif di sekolah serta komitmen untuk mewujudkan persekitaran yang selamat dan kondusif untuk sesi PdP.

Namun, masih terdapat banyak ruang untuk penambahbaikan bagi mencapai inisiatif ini. KPM dan JKR perlu lebih proaktif mempercepat tindakan berhubung projek pembangunan atau kerja-kerja ubah suai, naik taraf bangunan daif, di samping mempergiat proses verifikasi bagi data-data yang telah dikunci masuk dalam EMIS.

5.2. Syor 2: KPM perlu meningkatkan perancangan dan pelaksanaan program penyenggaraan sekolah-sekolah bagi mengurangkan kebarangkalian sekolah-sekolah berkenaan dikategorikan sekolah daif.

Maklum Balas KPM:

5.2.1. KPM komited melaksanakan projek Operasi, Senggara, Pemulihan, Pemuliharaan, Ubah Suai Dan Naik Taraf (OSPPUN) di Institusi Pendidikan Kerajaan (IPK) dan menyalurkan sumbangan kepada Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) dengan berpandukan kepada Akta Pendidikan 1996, Dasar Pengurusan Aset Kerajaan, Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2021, Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2021, garis panduan berkaitan sumbangan kepada SBK dan semua peraturan semasa yang berkuat kuasa dan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa berkaitan pengurusan aset kerajaan.

5.2.2. Dalam tempoh tahun 2022 hingga 2024, agihan peruntukan OSPPUN yang berjumlah RM3,104.55 juta telah dilaksanakan dengan pecahan tahunan seperti berikut:

- 2022 - RM904.70juta;
- 2023 - RM1,686.79juta; dan
- 2024 - RM901.71juta.

Perincian agihan peruntukan adalah seperti di **Jadual 3**.

JADUAL 3

Penerima Peruntukan	2022		2023		2024	
	IPK (RM juta)	SBK (RM)	IPK (RM)	SBK (RM)	IPK (RM)	SBK (RM)
JPN	441.62	-	1,150.03	-	524.58	-
Bahagian di KPM	73.76	-	119.15	-	8.06	-
JKR	297.46	-	313.61	-	130.82	-
Lembaga Pengelola SBK	-	91.86	-	104.00		238.25
Jumlah (RM)	812.84	91.86	1,582.79	104.00	663.46	-
JUMLAH (RM)	904.70		1,686.79		901.71	

NOTA:

1. Agihan peruntukan melibatkan:

i. peruntukan minimum RM20,000.00 bagi setiap sekolah kerajaan pada tahun 2023 dan 2024;

ii. peruntukan khas naik taraf dan penyelenggaraan kecil khususnya tandas di sekolah kerajaan pada tahun 2023;

iii. peruntukan khas RM100 juta untuk institusi pendidikan kerajaan di Sabah pada tahun 2023;

iv. peruntukan khas RM100 juta untuk institusi pendidikan kerajaan di Sarawak pada tahun 2023; dan

v. OSPPUN bagi 29 buah institusi pendidikan kerajaan dalam kem Angkatan Tentera Malaysia sebanyak RM15 juta pada tahun 2024.

5.2.3. Pada masa ini, pelaksanaan OSPPUN di bangunan sekolah KPM memberi fokus kepada sekolah berskala 1 hingga 5. Manakala bagi sekolah berskala 6, yang memerlukan pembaikan besar dengan tempoh pelaksanaan lebih

panjang, diselaraskan secara berasingan.

5.2.4. KPM bercadang untuk melaksanakan penambahbaikan pengurusan penyenggaraan sekolah berskala 1 hingga 5 seperti berikut:

I. Memohon Peruntukan Penyenggaraan Yang Mencukupi Selaras Dengan Keperluan Sebenar Sekolah

a) Penyenggaraan secara berkala (preventive) dan kecemasan (reactive) perlu dilaksanakan bagi memastikan kesemua 10,232 buah sekolah mempunyai ruang PdP yang kondusif dan selamat. Justeru, peruntukan yang lebih tinggi diperlukan dengan anggaran sebanyak RM1.5 bilion setiap tahun bagi penyenggaraan sekolah sahaja tanpa mengambil kira penyenggaraan institusi bukan sekolah. Perincian anggaran adalah seperti di **Jadual 4**.

JADUAL 4

KATEGORI		BIL SEKOLAH	PERUNTUKAN (RM per sekolah)	JUMLAH (RM)
Berkala (preventive)	< 500 murid	6,364	80,000	509,120,000
	501-1,000 murid	2,486	120,000	298,320,000
	>1,000	1,382	180,000	248,760,000
Kecemasan (reactive)	Kerja Kecil	250	100,000	25,000,000
	Kerja Besar	250	300,000	75,000,000
Pembaikan Kerja Infra (termasuk cerun, pagar, jalan)				70,000,000
Penyenggaraan oleh JKR				300,000,000
JUMLAH				1,526,360,000

II. Memperkasa Peranan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)
Untuk Pelaksanaan Penyenggaraan Menggunakan Peruntukan
Negeri Dan Agensi Luar

- a) Pada masa ini, permohonan bagi kerja-kerja yang menggunakan peruntukan negeri dan agensi luar perlu mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas BPPDP Mengenai Projek Pembangunan yang diurus setiakan di peringkat Kementerian.
- b) Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Bersama Pembangunan Pendidikan (JTBPB) Negeri Sarawak Bil 1/2024 pada 22 Februari 2024 telah berbincang dan bersetuju untuk menurunkan kuasa kepada Pengarah JPN Sarawak untuk melulus pelaksanaan kerja menaiktaraf dan bangunan tambahan di bawah pembiayaan negeri dan agensi luar yang dilaksanakan oleh agensi teknikal. Penurunan kuasa ini juga telah turut diperluaskan ke negeri lain.
- c) Garis panduan bagi perkara ini dibangunkan selaras dengan penurunan kuasa bagi mengelakkan implikasi kepada perancangan dan pelaksanaan projek.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum usaha KPM di bawah program OSPPUN. Namun, selain program dan perancangan sedia ada, KPM juga perlu melihat kepada kerja-kerja pencegahan bagi menangani isu bangunan daif di sekolah, mengambil kira kewangan dan peruntukan sedia ada di bawah KPM.

5.3. Syor 3: KPM perlu memantapkan kaedah pengurusan projek melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian secara berterusan bagi memastikan semua projek yang dirancang siap mengikut jadual.

Maklum Balas KPM:

5.3.1. KPM komited dalam pematuhan Arahan No. 1 2020 Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara dengan melaksanakan Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pendidikan dan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) KPM.

5.3.2. MTPK dan JTPK merupakan salah satu mekanisme bagi memantau prestasi projek dan mengesan isu pelaksanaan projek, agar dapat meningkatkan kecekapan dan menyelaras tindakan penyelesaian yang melibatkan pelbagai agensi pusat dan agensi pelaksana. Di samping itu, perkara berkaitan dasar dan strategi di peringkat kementerian juga dapat diputuskan.

5.3.3. Antara tindakan yang dilakukan bagi memantapkan pemantauan projek Pembangunan Semula Bangunan Daif Di Sekolah dalam MTPK dan JTPK adalah seperti berikut:

- I. Melaporkan prestasi pelaksanaan projek pembangunan termasuk projek daif dalam MTPK dan JTPK** oleh semua agensi pelaksana terutama kemajuan projek di peringkat prabina, ikut jadual, dahului jadual dan projek sakit.
- II. Membincangkan isu dan keperluan khusus bagi pelaksanaan projek daif untuk perhatian dan pertimbangan agensi pusat.** Antara isu yang telah diketengahkan ialah permohonan pelanjutan penambahbaikan pelaksanaan projek daif secara tatacara perolehan

pra kelayakan, perolehan perabot alih, had nilai perolehan dan Urusan Rundingan 20A (UR20A).

- III. Mempertimbangkan dan meluluskan garis panduan dan keputusan dasar di peringkat Kementerian yang dapat mempercepat dan memudah cara pelaksanaan pengurusan projek daif.**
- IV. Mensasarkan tindakan segera bagi projek yang memerlukan intervensi berdasarkan pelaporan dalam JTPK dan MTPK.** Isu berkaitan projek yang memerlukan intervensi juga boleh dikemukakan di peringkat negeri melalui Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNg).
- V. Melaporkan status projek Pembangunan Semula Bangunan Daif Di Sekolah di peringkat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negara (JTPN) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN).** KSU KPM juga turut melaporkan status projek Pembangunan Semula Bangunan Daif Di Sekolah termasuk laporan secara mingguan melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum inisiatif yang telah dilaksanakan KPM dalam menambahbaik pemantauan dan prosedur berkaitan dengan projek-projek sekolah daif. KPM hendaklah sentiasa komited dan proaktif dalam memantau pelaksanaan setiap projek menerusi penambahbaikan dasar dan prosedur bagi memastikan kesinambungan sesi PdP diteruskan dalam keadaan selamat dan kondusif.

5.4. Syor 4: Jawatankuasa Pemandu Pembangunan semula Bangunan Daif Di Sekolah yang dipengerusikan oleh KPM perlu diperkasakan supaya lebih efektif bagi menangani isu-isu sekolah daif.

Maklum Balas KPM:

5.4.1. Bagi menambah baik fungsi Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah (JPPBDS), penambahbaikan terhadap Terma Rujukan (TOR) JPPBDS telah dilaksanakan dari segi:

I. Menambah Keahlian JPPSBDS

- a) Pada masa kini, bilangan keahlian bagi Jawatankuasa Pemandu adalah sebanyak 11 wakil daripada agensi pusat dan agensi pelaksana.
- b) Bagi memperkasa peranan dan juga fungsi JPPBDS, keahlian dari jabatan teknikal iaitu Jabatan Ketua Pengarah Tanah Galian (JKPTG), Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA) telah dipersetujui untuk ditambah.
- c) Selain itu, jawatankuasa juga akan menyelaras kehadiran ahli jemputan daripada agensi utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) berdasarkan keperluan.
- d) Penambahan keahlian ini adalah diperlukan bagi menangani dengan segera isu dan halangan semasa di pelbagai peringkat pelaksanaan projek.

II. Menambah Kekerapan Mesyuarat

a) KPM telah meningkatkan kekerapan mesyuarat JPPSBDS dari dua kali setahun kepada empat kali setahun (setiap sukuan) agar isu pelaksanaan projek yang memerlukan penyelesaian dapat diuruskan dengan lebih segera.

5.4.2. Cadangan penambahbaikan TOR seperti di Para 3.4.1 telah dipersetujui melalui Mesyuarat JPPSBDS pada 27 Mei 2024.

5.4.3. JPPSBDS juga akan bertindak sebagai platform yang merangka dan merancang pelan komunikasi yang berkesan untuk memberikan penjelasan kepada pemegang taruh serta promosi pelaksanaan projek pembangunan semula bangunan daif kepada orang awam.

5.4.4. Laporan mesyuarat JPPSBDS akan dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN) sebagai tambahan kepada laporan projek daif yang pada masa ini dikemukakan pada setiap minggu. Laporan ini juga akan menjadi input kepada KPM dan Ketua Projek Inisiatif MADANI untuk melaporkan kepada peringkat tertinggi negara sekiranya perlu.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum inisiatif yang telah dilaksanakan KPM dalam meningkatkan keahlian dan penglibatan agensi berkaitan dalam jawatankuasa serta penambahbaikan prosedur berkaitan dengan perancangan pemulihan bangunan sekolah daif. Di samping itu, KPM hendaklah terus komited dengan program sifar bangunan daif di sekolah dan lebih giat meneruskan libat urus bersama pihak-pihak berkaitan dalam usaha melaksanakan program yang dirancang sekali gus merealisasikan visi sifar bangunan daif di sekolah.

PAC berpandangan bahawa agensi dan pihak berkuasa di persekutuan dan negeri yang berkaitan perlu bersama-sama KPM dalam memudah cara pengurusan projek di bawah bangunan daif di sekolah.

6. PENUTUP

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil Pegawai Pengawal ke atas syor-syor PAC Parlimen dalam Laporan PAC Parlimen DR. 6/2024 selaras dengan Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023).

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN



**LAPORAN PROSIDING
(HANSARD)**

**TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN PADA
RABU, 3 JULAI 2024**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 3 Julai 2024

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Prosiding Tindakan Susulan:
Pengurusan Naik Taraf dan
Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah**

- (i) Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)**
YBrs. Tuan Ramzi bin Mansor,
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)
- (ii) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**
YBhg. Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi,
Ketua Setiausaha
- (iii) Jabatan Kerja Raya (JKR)**
YBrs. Ir. Ahmad Shahruzi bin Ahmad,
Pengarah (Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan)
- (iv) Jabatan Kerja Raya Sarawak**
YBrs. Ir. Ts. Gs. Br. Dr. Cassidy Anak Morris,
Pengarah
- (v) Jabatan Kerja Raya Sabah**
YBrs. Encik Petrocelli Joseph,
Ketua Penolong Pengarah

**PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
RABU, 3 JULAI 2024**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]	- <i>Pengerusi</i>
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]	- <i>Naib Pengerusi</i>
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]	
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]	
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]	
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]	
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]	
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]	
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]	
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]	
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]	
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]	
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]	
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]	

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat (Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]

Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]

Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]

Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]

Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Peguam Negara (AGC)

Tuan Azroul Hisham bin Azulan [Ketua Unit Kontrak dan Teknologi Maklumat (Bahagian Penasihat)]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Puan Rusnida binti Muhammad Radzi [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]

Puan Aireen binti Ahmad Shahuddin [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]

(samb/-)

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)**

Encik Zainudin bin Suleiman [Ketua Seksyen (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Azize bin Taib [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Nurul Allbiir bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

P. Gunalan Perumal [Penolong Pesuruhjaya (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

Mohd Fuad Sedet [Penolong Pesuruhjaya (Bahagian Siasatan)]

Kementerian Ekonomi (KE)

YBhg. Datin Dr. Syahira binti Hamidon [Timbalan Pengarah (Bahagian Pembangunan Modal Insan)]

Cik Nur Akmal Hayati binti Mohd. Jaffar [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan Modal Insan)]

Jabatan Akauntan Negara (JANM)

Puan Norhaslina binti Muhamad [Akauntan]

SAKSI**Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)**

YBrs. Tuan Ramzi bin Mansor [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)]

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

YBhg. Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Ketua Setiausaha]

YBrs. Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan)]

Encik Mohd Fisul bin Ismail [Ketua Unit Audit Dalam]

Puan Dr. Nor Saidatul Rajeah binti Zamzam Amin [Timbalan Pengarah Kanan (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan)]

Puan Noriyah binti Kandar [Timbalan Setiausaha Bahagian Kanan (Seksyen Perancangan dan Pengurusan (Bahagian Pembangunan))]

Puan Zalina binti Rosli [Setiausaha Bahagian (Bahagian Pengurusan Aset)]

Puan Nurdina binti Muhammad [Ketua Penolong Setiausaha (Sektor Perancangan (Bahagian Pembangunan))]

Puan Noordiana binti Khalil [Penolong Setiausaha Kanan (Sektor Perancangan (Bahagian Pembangunan))]

(*samb/-*)

SAKSI (*samb/-*)

YBrs. Ir. Ts. Dr. Wan Noor Azhar bin Wan Sulaiman [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan)]

Puan Umrah binti Abd Muin [Penolong Pengarah (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan)]

Puan Siti Nur Ilham binti Mohd Zulyadaen [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Pengurusan Aset)]

Jabatan Kerja Raya (JKR)

YBhg. Dato' Ir. Dr. Balamurugan a/l A Gopal [Pengarah (Cawangan Kerja Pendidikan)]

YBrs. Ir. Ahmad Shahruzi bin Ahmad [Pengarah (Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan)]

Puan Siti Norasikin binti Mohd Nasir [Jurutera Mekanikal (Bahagian Fasiliti Bangunan Pendidikan)]

Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR Sarawak)

Puan Hj. Sharifah Liz Farawati binti Wan Omar [Timbalan Pengarah (Bangunan dan Pakar)]

Jabatan Kerja Raya Sabah (JKR Sabah)

Encik Petrocelli Joseph [Ketua Penolong Pengarah (Projek Bangunan)]

LAPORAN PROSIDING

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KETIGA**

**BILIK JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

RABU, 3 JULAI 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 12.00 tengah hari

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
mempengerusikan Mesyuarat]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat tengah hari dan juga salam sejahtera saya ucapkan. Naib Pengerusi PAC, Ahli-ahli Parlimen PAC yang hadir hari ini. YB Betong, YB Saratok, YB Shah Alam, yang lain ada dekat dalam Dewan dan juga *on the way* nak datang ke sini.

Ahli-ahli ex-officio PAC daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Ekonomi dan Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat pada tengah hari ini. YB Ahli-Ahli Mesyuarat sekalian, prosiding tindakan susulan pada tengah hari ini adalah bagi mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga Kementerian Kewangan serta Jabatan Kerja Raya terhadap syor-syor PAC dalam Laporan Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah D.R.6/2024 yang telah pun dibentangkan di Parlimen pada 21 Mac 2024.

Hadir di hadapan PAC pada hari ini yang pertamanya, Tuan Ramzi bin Mansor. Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (TKSP) Pengurusan MoF. Keduanya, Yang Berhormat Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi, KSU KPM dan juga Encik Wan Hashim bin Wan Rahim, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (TKSP) Pelaburan MoF. Datuk 1hahrazata da? Tak ada. Serta delegasi daripada KPM dan juga JKR Malaysia, JKR Sarawak dan juga JKR Sabah.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak dan juga MoF kerana telah pun dapat mengatitkan lawatan verifikasi kedua buah sekolah di Baling dan Sik, Kedah, 24 April 2024 serta empat buah sekolah di Sandakan pada 20 Mei 2024 yang telah pun disertai oleh pihak sekretariat. Tanpa membuang masa, saya dengan ini menjemput TKSP, Tuan Ramzi bin Mansor untuk mulakan pembentangan. Terima kasih

Tuan Ramzi bin Mansor [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan), Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)]: *Bismillahi Rahmani Rahim.*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Kepada Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, Pengerusi Jawatankuasa PAC, Ahli-ahli PAC yang lain, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Bersama saya seperti mana Pengerusi beritahu, sebelah kanan saya KSU KPM, Dato' Indera Nik Nasarudin dan sebelah kiri saya Encik Wan Hashim, TKSU Pembangunan KPM. Untuk makluman saya dahulu pun dari memang daripada KPM. Ini *my boss* saya dulu. Kita *as a government officer* kita mana-mana pun kita boleh bekerja.

Untuk hari ini laporan pembentangan ini adalah tindakan susulan muktamad pegawai pengawal terhadap syor Laporan PAC berhubung Pengurusan Naik Taraf Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah yang akan dibentang oleh Dato' Indera ataupun wakil nanti. Untuk makluman juga seperti mana Pengerusi beritahu PAC dekat sini pun ada wakil-wakil daripada JKR Sabah, Sarawak dan juga TKSU untuk sama-sama sekiranya ada persoalan yang akan bangkit pada prosiding ini.

Penemuan berhubung dengan pengurusan naik taraf pembangunan semula daif di sekolah merupakan sebahagian daripada isu yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2022 iaitu berkaitan dengan aktiviti kementerian, jabatan, Kerajaan Persekutuan dan badan-badan berkanun Persekutuan. Susulan itu seperti mana yang kita sedia maklum PAC telah memutuskan untuk membawa isu ini ke prosiding PAC Parlimen pada 17 Januari 2024 yang lalu. Laporan PAC berhubung dengan isu ini telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 21 Mac 2024. Terdapat empat syor PAC yang berkehendakkan tindakan susulan oleh pegawai pengawal, selaras dengan Arahan Perbendaharaan (Pindaan) 2023 (304B).

Pihak KPM melalui Kementerian Kewangan telah mengemukakan laporan tindakan susulan interim bagi isu ini kepada PAC pada 21 April 2024 dan juga laporan akhir pada 26 Jun 2024. Ada dua laporan. Sehubungan itu, pada hari ini Kementerian Kewangan bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan akan membentangkan kepada PAC Parlimen status tindakan susulan yang telah dilaksanakan terhadap syor-syor PAC berhubung dengan isu ini. Sebelum saya serahkan kepada Dato' Indera KSU, izinkan saya untuk berkongsi mengenai proses verifikasi yang telah dilaksanakan susulan daripada laporan interim yang telah dikemukakan oleh KPM.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak MoF bersama-sama sekretariat PAC telah dan turut dihadiri oleh pihak daripada wakil Kementerian Ekonomi telah melaksanakan lawatan fizikal dan juga verifikasi ke lima buah sekolah di sekitar negeri Kedah dan juga Sabah seperti berikut.

Pertama pada 24 April 2024, lawatan di dua sekolah di sekitar daerah Sik dan Baling Kedah iaitu Sekolah Kebangsaan Seri Ampang Muda, Sik, Kedah dan juga SK Tanjung Pari, Baling, Kedah. Manakala pada 23 Mei 2024, tiga sekolah telah dilawati iaitu di daerah

Sandakan, Sabah. Pertama, di Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Pangiran Galpam. Kedua, di SK Sri Tanjung Papat 1. Ketiga adalah SK Muhibbah, Sandakan, Sabah.

Dari hasil pemerhatian MoF daripada sesi verifikasi tersebut adalah seperti berikut. Pertama, berkaitan dengan pengurusan dan pemantauan di dua sekolah yang dilawati di Kedah adalah sistematik. Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan juga Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) telah menetapkan sasaran empat sekolah dilawati setiap bulan bagi memastikan pemantauan dalam Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan (EMIS) dilaksanakan secara berjadual.

Tindakan proaktif pihak JPN Kedah dan juga PPD bagi penyuraian di SK Seri Ampang Muda, Sik Kedah wajar dijadikan contoh. Kabin sementara yang selesa telah disediakan untuk memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) berjalan dengan selamat dan kondusif sementara kelulusan projek diperolehi dan pembinaan projek disiapkan.

Ketiga adalah berkaitan dengan penyelenggaraan terhadap blok bangunan sekolah iaitu dapat memanjangkan jangka hayat. Dengan KPM buat selenggara, jangka hayat sekolah untuk bangunan yang berkaitan dapat dipanjangkan dan dapat mengelakkan bilangan bangunan sekolah yang jatuh ke kategori daif.

Keempat, tindakan segera pihak KPM dalam menyalurkan sejumlah peruntukan untuk setiap sekolah bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan kecil dapat mempercepatkan tindakan pembaikan kerosakan. Apabila disalur awal tahun, so, sekolah, PPD dapat membuat perancangan dah untuk berkaitan dengan penyelenggaraan kecil.

Manakala yang kelima adalah penambahbaikan berterusan perlu diambil untuk memastikan data Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan (EMIS) berintegriti terutama bagi mengatasi isu pemahaman pentadbir sekolah dan cara pengisian sistem oleh guru data. Macam mana nak kategorikan dia daif — dia ada skala nanti. Nanti KPM akan terangkan. Skala satu sampai skala tujuh.

Secara ringkasnya, berdasarkan kepada laporan serta verifikasi yang dilaksanakan, pihak MoF berpandangan bahawa KPM telah dan sedang melaksanakan tindakan sewajarnya terhadap keempat-empat syor PAC berhubung perkara ini.

■1210

So, saya tak nak bercakap panjang. Saya serahkan kepada Dato' Indera Nik Nasarudin, Ketua Setiausaha KPM untuk menyampaikan taklimat selanjutnya. Mohon dipersilakan.

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat tengah hari, salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, Datuk, Dr., Tuan, Puan, Ahli-ahli PAC serta ahli-ahli mesyuarat pada hari ini. Terima kasih kepada Yang Berusaha Tuan Ramzi, TKSP Pengurusan dan saya mohon untuk meneruskan pembentangan ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas jemputan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia pada hari ini untuk menjelaskan berkaitan dengan Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal Terhadap Syor-syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen Ke-15 bagi isu berkaitan Laporan Ketua Audit Negara 2022 iaitu berkaitan dengan pengurusan naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif di sekolah bersama-sama dengan agensi pelaksana dan rakan strategik KPM iaitu JKR Malaysia, JKR Sabah dan JKR Sarawak. Kesemuanya ada bersama-sama kita Yang Berhormat Datuk Wira pada hari ini.

Jadi, tujuan pembentangan ini untuk memaklumkan kepada Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara mengenai tindakan susulan Kementerian Pendidikan Malaysia ke atas empat syor PAC yang telah dikemukakan kepada KPM pada 21 Mac 2024, selaras dengan Perkara 304(B) Arahan Perbendaharaan (Pindaan) 2023. Keempat-empat syor tersebut adalah seperti berikut:

[Merujuk kepada pembentangan slaid] Syor yang pertama seperti yang ditunjukkan dalam slaid ialah KPM perlu melancarkan Program Sifar Bangunan Sekolah Daif seluruh negara selaras dengan komitmen KPM untuk mewujudkan persekitaran yang selamat dan kondusif bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. KPM telah mengambil tindakan susulan bagi syor ini dengan melaksanakan empat cadangan.

Syor kedua ialah KPM perlu meningkatkan perancangan dan pelaksanaan program penyelenggaraan sekolah-sekolah bagi mengurangkan kebarangkalian sekolah-sekolah berkenaan dikategorikan sebagai sekolah daif. Untuk memastikan syor ini dapat dilaksanakan dengan baik, KPM telah mencadangkan dua cadangan.

Seterusnya ialah KPM perlu memantapkan kaedah pengurusan projek melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian ataupun Mesyuarat JTPK secara berterusan bagi memastikan semua projek yang dirancang siap mengikut jadual. KPM komited dalam pematuhan Arahan No.1 2020 iaitu mekanisme pelaksanaan-pelaksanaan pembangunan negara dengan melaksanakan mesyuarat ini sebanyak 12 kali setahun ataupun dalam erti kata yang lain setiap bulan.

Syor keempat ialah Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Semula Bangunan Sekolah Daif di Sekolah yang dipengerusikan oleh KPM perlu diperkasakan supaya lebih efektif bagi menangani isu-isu sekolah daif.

Berdasarkan kepada syor-syor ini, saya menjemput Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan) untuk menjelaskan dengan lebih lanjut, YB Datuk Wira dan ahli-ahli mesyuarat. Dipersilakan.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Bismillahi Rahmani Rahim. [Membaca selawat] [Membaca sepotong ayat al-Quran]. Terima kasih Yang Berbahagia Dato'

Indera KSU, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, Datuk-Datuk, Dr., tuan-tuan, puan-puan, Ahli-ahli PAC, ahli-ahli ex-officio dan ahli-ahli mesyuarat sekalian. Izinkan saya untuk meneruskan pembentangan bagi menjelaskan tentang cadangan-cadangan dan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh KPM berkaitan dengan syor yang telah dikemukakan oleh PAC bagi prosiding berkaitan dengan bangunan sifar di sekolah-sekolah daif di bawah kendalian KPM.

Seperti mana yang Dato' Indera KSU sebutkan tadi, komitmen Kementerian Pendidikan adalah untuk mewujudkan persekitaran yang selamat dan kondusif bagi melaksanakan— bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Sebenarnya, penjelasan ini telah pun diberikan dalam sesi pembentangan pada 17 Januari yang lepas dan penjelasan pada hari ini adalah sebagai tindakan susulan kepada penjelasan yang telah disampaikan sebelum ini.

Sebagaimana Yang Berhormat Datuk Wira sedia maklum, secara keseluruhannya di dalam negara kita terdapat lebih kurang 10,232 buah sekolah yang dikendalikan ataupun ditadbir oleh KPM sama ada sekolah kerajaan ataupun sekolah bantuan kerajaan di mana berdasarkan statistik, daripada 10,232 buah sekolah, 50 peratus ataupun 60 peratus— maaf, 60 peratus merupakan sekolah yang berusia 50 tahun dan ke atas. Ini adalah untuk menggambarkan bahawa keadaan sekolah-sekolah kita memang berada dalam keadaan yang bukan kata daif tetapi maknanya memang agak lama dan memerlukan penyelenggaraan dan juga penambahbaikan yang berterusan.

Setiap tahun kita telah diluluskan peruntukan oleh Kementerian Kewangan dan oleh kerajaan untuk melaksanakan program penyelenggaraan dan juga kerja-kerja naik taraf dan perkara ini perlu diteruskan dari semasa ke semasa. Kita sangat menyambut baik syor supaya KPM mewujudkan Program Sifar Bangunan Daif.

Untuk makluman, program khas sekolah daif ini sebenarnya telah pun dimulakan oleh KPM sejak tahun— secara khususnya pada tahun 2016 di mana pada masa itu kita bermula dengan projek rintis di Sarawak yang melibatkan 20 buah sekolah. Kalau mengambil kira sehingga ke saat ini, sebanyak 1,070 buah sekolah daif ini telah pun diluluskan di mana 708 projek telah pun siap, 165 projek dalam pembinaan dan 197 projek dalam peringkat prabina. Ini akan berterusan melalui permohonan-permohonan projek daif yang kita mohon pada setiap *rolling plan* pada setiap tahun.

Merujuk kepada cadangan pertama ataupun tindakan yang telah dibuat seperti mana yang tertera pada slaid, KPM telah mengenal pasti bahawa data dan pengurusan bangunan berdasarkan skala seperti mana yang telah dibentangkan sebelum ini, perlu dikemas kini dan ditambah baik dengan melaksanakan Program Pengemaskinian Data Keadaan Bangunan Sekolah di bawah submodul infrastruktur Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan ataupun ringkasnya, EMIS. Kalau kita melihat dalam Laporan Ketua Audit Negara seperti mana pada

kolum yang sebelah kiri sekali [*Merujuk kepada pembentangan slaid*], terdapat 1,094 buah sekolah masih belum diangkat permohonan projek daif.

Untuk itu, KPM telah pun mengemas kini data tersebut dan sebahagiannya pun—sebahagiannya telah pun selesai ditangani melalui kelulusan-kelulusan dalam permohonan *rolling plan* terdahulu dan pelaksanaan kerja penyelenggaraan. Di samping itu juga, verifikasi data juga telah dilaksanakan secara komprehensif di dalam sistem EMIS. Kalau kita melihat pada slaid di kolum yang tengah...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ah, kejap. Saya nak tanya yang Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan (EMIS) ini dah lama kah? Dah lama kah dibangunkan?

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Dah lama dah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya?

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Cuma memandangkan kita setiap masa kena melalui proses-proses naik taraf dan sebagainya, dan sebab kita tertakluk juga kepada proses-proses latihan dan juga *engagement* kita dengan jabatan-jabatan teknikal untuk menambah baik sistem tersebut. Lanjutan daripada Laporan Ketua Audit dan memang sistem ini kita telah membuat penambahbaikan dan mewujudkan *task force* khusus bagi memastikan dari semasa ke semasa, proses kemas kini akan berterusan. Okey?

Untuk makluman, KPM telah mengguna pakai EMIS melalui model— modul infrastruktur sebagai pangkalan data tunggal pengurusan penyelenggaraan dan permohonan semula bangunan daif secara khususnya untuk kerja-kerja naik taraf ini pada tahun 2020. Sistem ini akan sentiasa ditambah baik dan dinaiktarafkan agar menjadi satu sistem yang holistik dan relevan. Semua modul yang terdapat dalam sistem ini merangkumi keperluan semasa dan integrasi data pada masa yang akan datang.

Untuk makluman YB Pengerusi dan Ahli-ahli PAC, modul infrastruktur EMIS ini merupakan pengisian keadaan fizikal blok ataupun bilik-bilik di sekolah-sekolah dan penetapan tujuh skala seperti mana yang telah dimaklumkan sebelum ini adalah merujuk kepada skala satu dan skala dua yang menunjukkan tahap penyelesaian.

■1220

Skala tiga dan skala empat menunjukkan tahap kefungsian. Skala lima, skala enam dan skala tujuh tahap keselamatan sesebuah bangunan di sekolah. Proses pengisian maklumat dan juga data ke dalam sistem ini dilaksanakan oleh guru data pada setiap sekolah dan seterusnya akan disahkan oleh Pegawai Pengesah Skim Jurutera yang ditempatkan di Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah.

Bagi memastikan maklumat keadaan bangunan lebih tepat dan menggambarkan situasi sebenar di lapangan, terdapat beberapa penambahbaikan yang kita buat selaras dengan

keputusan ataupun syor-syor yang dikemukakan oleh PAC. Yang pertamanya adalah memastikan pengemaskinian data EMIS ini dibuat secara berkala. Maknanya setiap bulan akan dilaksanakan kerja-kerja pengemaskinian data berdasarkan kerja penyenggaraan yang telah dilaksanakan kepada bangunan supaya data infrastruktur bangunan adalah yang terkini.

KPM juga telah mengeluarkan surat pelaksanaan pengurusan kutipan data EMIS bersama manual pengisian modul infrastruktur serta slaid verifikasi pengguna fasiliti oleh JKR kepada semua guru data agar dapat membuat pengisian yang betul dalam modul infrastruktur EMIS. Proses kutipan dan juga semakan data seperti yang saya sebut tadi diadakan pada setiap bulan, manakala proses verifikasi data diadakan pada setiap suku tahun. Itu yang pertama.

Yang keduanya adalah memberi latihan pada guru data dan latihan-latihan ini akan dibuat dari semasa ke semasa. Memandangkan kita tahu setiap masa akan berlaku pertukaran guru-guru di sekolah-sekolah. So, kita akan pastikan latihan-latihan ini dapat disediakan supaya dapat meningkatkan kemahiran guru-guru data untuk membuat pengisian yang tepat dan fokus...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sekejap, saya buka kepada YB ahli-ahli komiti PAC, kalau nak tanya soalan boleh dan saya nampak Tampin nak ini.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Okey. Saya tengok slaid sebelum ini. Skala tujuh telah mendapat pengesahan tidak selamat daripada JKR. Namun, saya rasa dah lebih daripada 10 tahun bangunan itu tetap tak ada diruntuhkan lagi. Sebab mungkin bangunan itu tak digunakan, sebab kelas mencukupi tetapi dia tidak selamat. Dah hampir lebih 10 tahun, bangunan itu masih ada lagi. Ia amat membahayakan kepada pelajar-pelajar. So, bagaimana nak *tackle* benda ini? Terima kasih.

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya bangunan itu telah mendapat pengesahan tidak selamat daripada JKR kita akan memohon peruntukan daripada MoF ataupun melalui Kementerian Ekonomi lah peruntukan untuk melupuskan. Kita juga ada proses pelupusan aset tak alih. Biasanya perkara ini dibuat kalau dulu pelupusan aset tak alih ini mengambil masa lebih kurang hampir 150 hari. Tapi sekarang ini kita telah memudahkan tatacara tersebut di mana untuk melupuskan aset tak alih di Kementerian Pendidikan Malaysia tidak melebihi 50 hari.

Jadi, sekiranya berlaku isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini dia ada dua isu. Yang pertamanya, sama ada di negeri tidak melaksanakan proses pelupusan aset tak alih. Itu yang pertama. Yang keduanya adalah berkemungkinan aset tak alih itu adalah merupakan— belum lagi mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Tapi kita bagi jaminan lah kepada Yang Berhormat bahawa proses pelupusannya cepat sekarang. 50 hari sahaja tidak melebihi.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Saya ambil *clear cut* lah. Nama sekolah itu adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jalor Gemencheh, Tampin, Negeri Sembilan. *More than 10 years. So*, bangunan tak selamat. Sebelum saya jadi ADUN lagi—dah dua penggal saya jadi ADUN, bangunan itu dah ada. Cuba semak balik, sebab setahu saya bangunan itu dah siap tetapi tak digunakan disebabkan ada masalah-masalah lain. *So*, dah dapat kelulusan daripada JKR untuk dilupuskan tapi sehingga hari ini tak diruntuhkan lagi. Terima kasih.

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Kita akan semak YB. *insya-Allah*. Terima kasih.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Terima kasih Yang Berhormat *Chairman*. Saya nak mengambil kesempatan ini juga lah. Sebenarnya keadaan berlaku di sama berlaku di Kuala Pilah, Dato'. Di Kuala Pilah, *since* kita dah ada dalam apa ini—saya rasa kalau ada skala lapan pun dah skala lapan dah sekolah ini. Saya ambil sampai skala tujuh sahaja. Dulu semasa saya ADUN, mereka minta forensik JKR untuk *certify the situation*. Dah dapat pun forensik JKR mengatakan memang *unfit* untuk didiami dan sebagainya dan adanya aliran bawah tanah sebenarnya. Bahaya, jadi saya khuatir lah budaya kita ini bila dah ada seorang dua mati esok, masuk ada peruntukan. *So*, kita cuba elakkan keadaan ini.

Saya rasa saya pun dah lebih sepuluh tahun. Dua penggal jadi ADUN sama dengan Tampin. Sekarang ini sekolah—bangunan tersebut masih lagi dan sekarang ini ada pemindahan lah tapi saya tak tahu. Saya harap ia nya seharusnya diberikan keutamaan lah, saya bercakap tentang keselamatan. Bukan sekolah daif, tapi keselamatan para petugas, para warga sekolah, guru-guru terutamanya anak-anak murid kita lah. Saya harap Dato' dapat melihat isu berkaitan Sekolah Menengah Kebangsaan Senaling.

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Senaling ya?

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Senaling di Kuala Pilah. Memang keadaan ini amat berbahaya lah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey ini isu kawasan...
[Ketawa]

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Saya ambil kesempatan ini, mungkin di Parlimen terlalu banyak sangat Menteri nak dengar, kan? Tapi ini lebih kecil, kita punya perjumpaan ini dan lebih terjurus kepada mereka yang membuat *decision making*—*decision maker* dekat sini saya rasa dapat lah perkara ini. Sebelum apa-apa berlaku kepada sesiapa anak murid dan sebagainya, baru lah kita nak ambil tindakan. Terima kasih Dato'.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sandakan *then* Shah Alam. [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Pengerusi. Soalan saya adalah, *I think common sense we will think that* untuk Kerajaan untuk bagi peruntukan akan

fokus untuk dalam skala tujuh punya. *Means very critical* punya. Ada berapa projek masih di dalam skala tujuh dan berapa kali mereka perlu pohon? *I think every year they will be submitting the same thing because it is already* skala tujuh, *maximum already*. Tiada lapan, kan?

So, that's why, my soalan ialah ada— *is there like cut off where confirm after you apply three times, it will be done?* Ataupun masih ada *priority* lain lagi dan *and then all the* skala lima, enam *have to wait until* tujuh, baru boleh ada tindakan yang diambil? *So, this is my* soalan lah. Berapa dalam skala tujuh yang telah pohon tapi belum lagi diberikan peruntukan untuk kasi menyelesaikan? *That's my* soalan nombor satu. *But can* jawab *first*.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Terima kasih YB. Mungkin saya tak dapat menjawab secara spesifik setiap sekolah-sekolah yang dibangkitkan oleh YB. Walau bagaimanapun berdasarkan verifikasi data terkini sehingga 30 Jun, jumlah sekolah yang mempunyai ataupun berada pada skala tujuh adalah sebanyak 571 buah sekolah. Yang mana setiap permohonan yang kita *submit* yang kita akan angkat kepada Kementerian Ekonomi adalah berdasarkan keperluan-keperluan yang perlu dilengkapi.

Contohnya, dari segi tanah, dari segi keperluan-keperluan teknikal lain yang ditetapkan oleh kerajaan dan pada setiap tahun memang kita memohon jumlah projek-projek sekolah daif yang berada pada skala tujuh. Tetapi memandangkan kita terikat dengan syarat-syarat tersebut dan mulai tahun ini, mulai *rolling plan* yang akan datang memang perkara ini akan menjadi fokus utama memandangkan antara— sebenarnya saya akan jelaskan dalam slaid-slaid yang berikutnya.

Tetapi memandangkan persoalan ini dah berbangkit sekarang, sebagai contohnya antara syarat-syarat yang ditetapkan adalah keperluan pemilikan tapak. Seperti yang saya sebutkan tadi 60 peratus sekolah-sekolah kita berumur 50 tahun ke atas dan sekolah ini ada yang dah wujud sejak 100 tahun. Makna masa dahulu dia hanya dibenarkan untuk diduduki. So, apabila proses permohonan baharu dia perlu melengkapkan dari segi pemilikan tapak, dari segi lukisan pelan dan sebagainya yang asal.

Supaya apabila dah lengkap baru lah kita boleh angkat untuk pertimbangan Kementerian Ekonomi. Ini memandangkan Kementerian Ekonomi telah pun memberikan pengecualian untuk *rolling plan* yang akan datang, kita tak perlu lagi tertakluk kepada syarat-syarat pemilikan tanah. So, kita akan lebih banyak lagi permohonan ini akan dibuat pada masa yang akan datang. So, untuk yang pertanyaan secara spesifik ini, saya dah minta supaya disemak dan kita akan berikan jawapan selepas ini lah YB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Shah Alam. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira. Saya nak bawa isu yang sama tetapi perspektif yang berbeza. Sekolah yang memang dah tak boleh digunakan

langsung, dah kategori mungkin lapan juga lah disebutkan tadi— *beyond repair, beyond* daripada digunakan. Isunya ialah pihak sekolah minta permohonan daripada pusat khidmat contohnya untuk nak robohkan, nak ratakan saja. Supaya bangunan yang usang itu tikus tak bersarang, ular tak masuk, gajah pun tak masuk.

■1230

Jadi, kita nak bantu sahaja supaya diratakan tetapi tidak mendapat kelulusan daripada kementerian. Itu yang saya tak berapa nak, mungkin mohon penjelasan. Mungkin tak faham itu memang saya tak faham kenapa tidak boleh dibenarkan, dibiarkan begitu keadaannya. Tetapi, sepatutnya mungkin boleh kita kosongkan. Bukan kita nak dirikan bangunan lain. Itu mungkin ada pertimbangan daripada pihak kementerian untuk nak bila ada bajet nanti boleh dibangunkan, ditambah kelas dan sebagainya. Tetapi, sekurang-kurangnya boleh diratakan dahulu dan dijadikan *temporary* tempat untuk riadah dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Untuk makluman YB. Sekiranya dah tak selamat biasanya bangunan tersebut akan dilupuskan. Kemungkinan pada sangkaan saya sekarang daripada persoalan YB tadi, maksudnya pelupusan aset tak alih masih belum dibuat. Sebab itu tidak boleh dilupuskan. Sebab nak menghapuskan aset kerajaan ini kita ada prosedur-prosedur yang tertentulah. *Even* satu tandas pun kalau kita nak lupuskan dia perlu mengikut prosedur-prosedur tertentu dan kita telah pun mempermudah.

Cuma, isunya adakah dibuat ataupun tidak? So, kita tak boleh nak memastikan sama ada mereka membuat atau tak membuat. Sepatutnya, dari segi urusan biasa bila dah bangunan itu tidak lagi selamat, mereka perlu membuat pelupusan. Jadi, kita biasanya akan menerima pelupusan. Kita mempermudah, tempoh pun kita singkatkan dan biasanya kalau mereka memohon kita lulus, kita akan berusaha untuk dapatkan peruntukan daripada kementerian ataupun daripada MoF lah untuk membuat— melupuskan bangunan-bangunan tersebut. Sama macam isu di sekolah daif di Sabah, Sarawak dan sebagainya lagi.

Bila mereka membuat binaan baru di atas tapak sedia ada, mereka perlu melupuskan dahulu bangunan yang lama. Bila dah lupus barulah kita boleh buat binaan baru dan pelupusan itu biasanya kuasa Menteri yang di bawah Akta Pendidikan. Maknanya, melupuskan dan sebagainya lagi dan kita hanya menjalankan proses. Biasanya proses itu kita akan laksanakan dalam tempoh yang saya maklumkan tadilah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebelum saya bagi pada Bayan Baru. Saya nak tanya. Saya minta maaf sebab saya dalam prosiding *before this* ada disebut fasal EMIS ini. Saya rasa dalam dua sahaja. So, kita pun tak *deep dive on* EMIS ini. Sebab itu, kita tak berapa perasan sangat penggunaan Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan ini.

Cuma, saya nak— saya tengok ini apabila Guru Data ini yang memasukkan maklumat dan sebagainya. Pertama, saya nak tanya sejauh mana *capability* Guru Data tersebut dalam

nak memasukkan maklumat supaya tidak berlakunya kesilapan? Sebab, mereka ini kebanyakan guru-guru ini mungkin yang Guru Data ini bukannya latar belakang teknikal dan sebagainya, satu.

Kedua, berlakunya kesilapan macam ada dekat satu sekolah di Sandakan apabila lawatan verifikasi dilakukan oleh Sekretariat PAC yang menyatakan dalam laporan EMIS ada menyatakan bahawa ada makmal sains. Tetapi, bila tengok sebenarnya tak ada pun laporan. Makmal sains itu tak wujud pun dekat sekolah tersebut. Macam mana boleh berlaku demikian?

Ketiga, bebanan terhadap guru. Hari ini kita tahu guru terbeban dengan banyak kerja-kerja di sekolah. Tetapi, apabila melibatkan nak memasukkan lagi data ini dan tersebut. Macam mana KPM punya perancangan ataupun strategi dalam hal tersebut? Peruntukan. Ini saya nak tanya pada— yang tadi itu mungkin boleh JKR pun boleh jawab dan untuk peruntukan, mungkin yang ini Kementerian Ekonomi boleh responslah. Bagaimana tentang peruntukan apabila yang dah dimasukkan dalam EMIS dan sebagainya? Bagaimana untuk saluran? Terima kasih.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Terima kasih, YB. Berkaitan dengan fungsi Guru Data ini seperti mana yang saya sebutkan dalam penjelasan saya tadi. Berdasarkan latihan yang kita telah adakan dan kita sediakan garis panduan. Memang guru-guru ini akan diberi latihan dan mereka akan mengikut garis panduan tersebut dan garis panduan ini disediakan mengikut modul infrastruktur dan slaid verifikasi yang disediakan oleh pihak JKR. So, mereka akan membuat pemeriksaan secara visual. Tetapi, kemudiannya akan disahkan ataupun akan diverifikasikan oleh pegawai-pegawai teknikal daripada JPN ataupun di PPD.

Di mana kita ada lebih daripada 300 pegawai-pegawai teknikal di peringkat JPN. Jika mencapai ke tahap skala tujuh, perkara ini akan melibatkan pihak JKR lah untuk dibuat verifikasi ataupun yang melibatkan laporan-laporan forensik seperti yang dibangkitkan sebelum ini.

Dari segi bebanan itu memang kita di sekolah-sekolah memang dah ada pembahagian dia. So, mana-mana Guru-guru Data ini memang dah dipersetujui dan dicalonkan oleh pihak sekolah untuk mereka membantu dan proses verifikasi ini hanya melibatkan kerja-kerja yang spesifik untuk data-data bangunan sahaja. Dia tidaklah kerja harian.

So, maknanya dia pada pandangan kita, dia tidaklah menjadi beban yang besar kepada Guru-guru Data. Sebab, proses verifikasi akan dibuat kemudiannya oleh pegawai-pegawai teknikal yang mempunyai kelayakan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: 300 itu satu Malaysia is it?

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Bagaimana Sabah, Sarawak?

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Secara spesifiknya— sekejap. Saya ada pecahan dia.

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: 300 itu maksudnya kakitangan teknikal, Yang Berhormat. Biasanya kalau EMIS ini, satu sekolah, satu orang guru yang mengambil tugas sebagai Pegawai Data lah yang akan memasuki sistem dan memperkemaskan sistem EMIS. Sebab, berdasarkan kepada sistem EMIS inilah yang digunakan oleh EPRD ataupun Bahagian Perancangan KPM untuk menentukan berapa banyak sekolah daif, apa kriteria sekolah-sekolah dan seterusnya untuk permohonan untuk *rolling plan* ataupun RMK seterusnya adalah berpunca daripada Bahagian EPRD tadilah, Yang Berhormat.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tadi yang 300 disebut tadi, 300 itu daripada pihak PPD, kan?

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Ya. Teknikal. Kakitangan teknikal.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Secara khususnya YB, terdapat 126 orang jurutera di JPN. Manakala, di PPD 213 orang, di seluruh negara.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Makna, tak sampai sebab kita ada 222 kawasan Parlimen. Maknanya, tak sampai satu lah? Mungkin satu daerah dua tiga orang sahaja ya?

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Dia mengikut bilangan PPD. PPD kita ada 142. Untuk setiap PPD, ada PPD yang besar. So, dia akan ada dua ataupun tiga pegawai teknikal. Dia tidak mengikut Parlimen tetapi mengikut jumlah Pejabat Pendidikan Daerah. So, ada setengah PPD itu mungkin dia *cover* dua Parlimen. Mengikut jumlah daerah di seluruh negara lah.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey, Datuk Wira Pengerusi. Saya ingin tanya tentang verifikasi. Selepas Guru Data daftar— masuk dalam EMIS dan dia akan diverifikasi oleh 300 orang pegawai daripada JPN. Selepas itu pula, JKR akan masuk sistem, dia prosesnya kan? JKR akan masuk.

Daripada pengalaman saya, kita selalu susah nak dapatkan JKR. Walaupun peruntukan Parlimen nak bagi kepada sekolah. Nak bagi *aircond* pun kena JKR datang. Nak bagi benda-benda yang *simple* sahaja tetapi JKR kena datang *verified* dan selalunya kita dapati bahawa JKR sibuk. Tak boleh turun padang. Tak boleh buat lawatan.

Jadi, benda ini selalunya dia *postponed*, dilewatkan dan saya kluatir kerana kalau kita bergantung pada JKR sahaja, kelewatan itu akan sentiasa berlaku. Jadi, apakah penyelesaian tentang isu ini? Adakah JPN boleh adakan satu *department* untuk benda-benda teknikal seperti ini? Okey, itu soalan nombor satu.

Kedua adalah tentang, kita sekolah daif ada 571 dan KPM ada 10,000 sekolah dan lebih daripada 60 percent adalah lebih daripada 50 tahun. Dia akan menjadi lebih serius sebab *as the school will age*. Ini bermaksud bahawa kita akan bakal mendapat lebih banyak sekolah daif. Peruntukan kerajaan tidak, *you know* tidak— memang tidak mencukupi. Jadi, *what is your solution to this? Because* kita apabila saya pergi turun. Saya nampak bahawa dia semakin usang, okey. *And then*, ada banyak guru yang sekolah yang *complaint* bahawa dia telah tunggu bertahun-tahun.

So, soalan saya adalah bolehkah betul-betul mencapai zero daif sekolah? Zero sekolah daif? Boleh kah boleh mencapai? Ini soalan saya sebelum kita masuk ke cadangan kedua. Syor kedua.

■1240

First syor itu. Bolehkah betul-betul kita capai zero daif? Terima kasih.

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Terima kasih YB. Berkaitan dengan isu JKR tadi adalah sebenarnya berkaitan dengan isu-isu teknikal sekiranya kita nak menambah ataupun memasang apa-apa di bangunan kerajaan. Sebagai contoh, *air con* ataupun pendingin. Maknanya, JKR akan mengukur dari segi kemampuan satu *air con* itu berapa dia punya BTU untuk sama ada sesuai ataupun tidak.

Keduanya, nak memastikan bahawa *wiring* yang — ataupun *wiring* yang ada itu memadai untuk pemasangan penghawa dingin dan sebagainya. Itu dari segi penyaman udara. Dari segi bangunan pula nak memastikan bahawa bangunan itu selamat dan sebagainya, YB. YB boleh membantu sebab sekarang ini Kementerian Pendidikan telah pun membuat penurunan kuasa kepada semua pengarah negeri untuk menerima ataupun meluluskan ataupun menolak apa-apa sumbangan ataupun cadangan yang diberikan oleh YB ataupun mana-mana pihak luar selain daripada KPM. Maksudnya, kalau YB nak bantu sekolah ini untuk membina apa-apa bangunan mestilah melalui pengarah negeri saja dah memadai. Kalau dulu kena bawa ke kementerian dan sebagainya lagi. Sekarang dah tak perlu, memadai kepada pengarah-pengarah negeri sahaja. Mereka boleh membuat kelulusan dengan segera dan cepat.

Keduanya, sekiranya projek-projek sumbangan YB nak dilaksanakan di sekolah-sekolah, dia mesti dilaksanakan oleh agensi teknikal. Bukan kita kata JKR, maknanya kalau ada agensi-agensi teknikal lain yang berkecualan, maknanya YB boleh meminta bantuan daripada mereka untuk membina binaan di sekolah-sekolah tersebut supaya isu yang kita *very concerned* ialah dari segi keselamatan murid-murid. Sekiranya bangunan tersebut dilakukan secara gotong-royong, tak ada yang mengesahkan sebab bangunannya akhirnya akan dapat pengesahan untuk selamat menduduki dan sebagainya lagi. Kita nak mengelakkan berlakunya isu-isu kemalangan di sekolah seperti runtuh dan sebagainya lagi.

Jadi, kita tak ada masalah YB. Sekiranya YB nak membantu Kementerian Pendidikan, kami sangat-sangat mengaluakan dan memadai dihantar kepada pengarah pendidikan negeri, sudah cukup untuk meluluskan permohonan daripada YB tadi sebab kita nak memastikan benda itu teratur dan sebagainya lagi.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Soalan saya sebenarnya *bottleneck* tentang JKR.

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Dia lambat. Jadi, bagaimana menyelesaikan masalah ini?

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: JKR nak jawab?

Ir. Ahmad Shahruzi bin Ahmad [Pengarah (Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan), Jabatan Kerja Raya (JKR)]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih, YB. Saya Shahruzi daripada Jabatan Kerja Raya. Pertamanya, pertanyaan yang berkaitan dengan pemasangan peralatan di sekolah-sekolah. Ia adalah tertakluk kepada garis panduan bangunan yang dikeluarkan oleh Kementerian Ekonomi yang memerlukan pengesahan daripada agensi teknikal.

Agensi teknikal ditakrifkan dalam AP182 adalah JKR dan JPS termasuk JKR Sabah, JKR Sarawak, JPS Sabah dan JPS Sarawak. Itu adalah takrifan agensi teknikal di dalam AP182. Yang YB — berkenaan dengan permohonan tersebut adalah berdasarkan kepada setiap permohonan di negeri masing-masing. Untuk pemasangan *air con*, jurutera mekanikal di negeri masing-masing akan hadir, YB. Sepatutnya tidak berlaku kelewatan.

Untuk pemeriksaan lain-lain yang dimohon oleh KPM, JKR tempohnya adalah tiga bulan, YB. Saya — kita arahkan setiap negeri untuk membuat pemeriksaan dalam tempoh tiga bulan untuk keseluruhan bangunan. Untuk setiap contoh macam *air con* tadi, dia dalam tak sampai satu bulan kita boleh turun pemeriksaan untuk kesesuaian pemasangan *air con*.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, boleh tak tanya JKR dan Kementerian Pendidikan ini. Ada sekolah baru yang biasanya dibina dan diuruskan oleh JKR. Betul, bukan?

Ir. Ahmad Shahruzi bin Ahmad [JKR]: Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Akan tetapi ada juga yang dibina, dirancang dan dijaga sampai dipakai oleh Kementerian Pendidikan. *So, the technical* apa? Tadi Bayan Baru tanya fasal teknikal, kenapa perlu JKR? Sebab dia ada *technical knowledge, they know-how*. Seolah Kementerian Pendidikan tak ada. Kalau tak *you can do it yourself*, bukan?

Saya punya *concern* ini di Kapar ini bukannya daif kah apa sebab bila saya tanya JKR, dia kata RM30 juta kah apa Sekolah Kebangsaan Teluk Kapas ini, dikatakan, *"It's not inside our apa langsung. Tak ada langsung"*. Rupanya, dia kata, *"Kementerian Pendidikan yang nak bina sendiri"*.

So, you have the know-how. The technical know-how. Maknanya, Kementerian Pendidikan ada *that technical knowledge* dan ada orangnya. Daripada *planning* apa semua itu termasuk segala JPS apa benda semua itu. Betul kah?

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Betul YB.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *So, what's the problem? Why do you need, stuck with JKR?*

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Untuk satu Malaysia macam contoh seperti yang dimaklumkan oleh YB tadi, mungkin sekolah itu berada di luar jangkauan KPM dan kita serahkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri. *But* di Jabatan Pendidikan Negeri itu sendiri ada kakitangan teknikal kader yang dipinjamkan oleh JKR kepada Jabatan Pendidikan Negeri.

Even di Kementerian Pendidikan Malaysia pun kita ada kakitangan kader daripada JKR Malaysia yang bertugas di Kementerian Pendidikan Malaysia. Kalau dahulu Yang Berhormat, kita ada dua agensi pelaksana. Pertama, JKR dilaksanakan oleh JKR dan yang keduanya projek dilaksanakan oleh KPM sendiri, di mana KPM menggunakan perkhidmatan konsultan yang bertindak sebagai agensi yang menguruskan dan melaksanakan sehingga projek itu siap. *So*, kita membuat projek — KPM pun ada buat projek tapi menggunakan perkhidmatan konsultan. Berbanding dengan JKR, dia menggunakan tenaga kerja...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *In-house.*

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: *in-house* punya kakitangan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Mana *cheaper*? PAC ini wang negara. Okey, JKR buat kah atau bila KPM yang buat?

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Dia bergantung kepada kos projek. Nak kata mana *cheaper* itu saya susah nak bagi pandangan sebab konsultan pun kita perlu bayar. Kita ada bayaran untuk konsultan dan perkara ini telah pun dimasukkan di dalam kos projek, YB.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pada segi dia punya cepat bina, cepat siap dan sebagainya. Makna kita ini nak menyelesaikan masalah tak cukup sekolah apa semua, bangunan dan sebagainya. *So, sorry* JKR. Orang kata kalau JKR ini dia lambat sikit, ya? Betul? *So*, kalau tadi pakai konsultan, *is that faster*? Tak ada sangat birokrasi kah macam mana ini? *So*, kalau nak *settle*, tadi Shah Alam tanya, bolehkah nak capai *zero* semua itu? *So, if that is the factor, critical factor* yang kita kena *identify* itu, *where is the solution*?

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Untuk makluman YB, KPM melaksanakan projek pun untuk membantu JKR. *At one time*, JKR pun terlalu banyak projek, maknanya kita memohon, bukan kita pilih-pilih. Tak. Untuk melaksanakan projek di bawah

KPM, kita memohon daripada JKR, kebenaran untuk melaksanakan projek melalui KPM untuk mendapatkan AP182 tadi.

Sekiranya diluluskan oleh JKR, maknanya KPM akan buat menggunakan konsultan. Akan tetapi, sekarang ini untuk projek tahun 2023 dan 2024, projek yang melebihi RM1 juta, semua dilaksanakan oleh JKR sebab JKR kata dia ada kemampuan untuk melaksanakan projek.

So, projek 2023, projek 2024, sekolah baru, sekolah daif dan sebagainya lagi dilaksanakan oleh JKR. Jadi, kalau yang dulu-dulu dia campur. Ada KPM buat, ada JKR buat tapi dengan kebenaran daripada JKR. Itu dia tadi, YB. So, penggunaan konsultan itu adalah untuk membantu KPM untuk melaksanakan projek dengan lebih teratur dan tersusun mengikut seperti yang ditetapkan.

Sebelum itu saya ada satu lagi yang berkaitan dengan YB Shah Alam tadi, belum jawab satu lagi. Saya mohon YB Datuk Wira Pengerusi. Berkaitan dengan sekolah daif yang lebih 60 tahun tadi.

Sebenarnya, kita memang mengambil berat, kalau kita tengok di Sabah, Sarawak pun ada tahun 1952 pun ada sekolah. Saya dah tengok di Sabah, saya pergi ke pulau 1952. Di Semenanjung pun sendiri pun banyak sekolah-sekolah yang lama. Jadi, isunya adalah sekarang adalah dari segi *maintenance*. So, setiap tahun Kementerian Pendidikan Malaysia diperuntukkan sebanyak hampir RM1 bilion setahun untuk menyelenggara 10,232 sekolah.

■1250

Kalau kita bagi RM100 ribu satu sekolah pun, sekarang ini kita akan menggunakan RM1.2 bilion, betul YB ya? Untuk penyelenggaraan. Jadi, berdasarkan kepada sekolah-sekolah yang lama tadi, kita telah menetapkan tahun 2023 dan 2024 bahawa setiap sekolah—*sorry*. Setiap sekolah kerajaan di Malaysia akan menerima minimum RM20 ribu untuk bantuan penyelenggaraan.

Semua sekolah terima. Jadi, itu membantu pihak sekolahlah untuk membuat penyelenggaraan-penyelenggaraan kecil sekiranya perlu. Ada sekolah yang menerima RM200 ribu ada, sekolah yang menerima RM500 ribu. Tapi, paling minimum setiap sekolah menerima RM20 ribu untuk memberi bantuan kepada sekolah untuk membuat pembaikan kecillah.

Ini adalah supaya pada masa akan datang tidak bertambah sekolah-sekolah daif...

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Maaf. Saja nak *confirm*-kan yang tadi katanya RM20 ribu itu bagi semua sekolah untuk *maintenance*.

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Ya, ya.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Itu termasuk sekolah bantuan kerajaan kah atau...

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Sekolah bantuan kerajaan kita tak beri. Kita beri bantuan tahunan yang kita kenal pasti berdasarkan kepada permohonan yang dibuat oleh SABK sendirilah. Tapi, untuk sekolah-sekolah kerajaan sahaja.

Untuk yang penjelasan, saya rasa akan dijelaskan oleh TKSU nanti bagaimana kita memperkenalkan skala 6 ini sebagai satu bangunan yang hampir-hampir yang kata orang apa, tak begitu— yang memerlukan penyelenggaraan yang tinggi, kita telah meminta kepada Kementerian Ekonomi untuk mewujudkan satu tajuk yang khusus untuk membaiki sekolah di skala 6 supaya sekolah itu tak masuk skala 7.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Okey.

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Diluluskan oleh Kementerian Ekonomi.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Saya— *I think follow up with* Datuk Wira punya soalan tadi mengenai satu kes di Sandakan kan, di mana SMK Datuk Pengiran Galpam ada isu di mana *key in* adalah tidak sama, tidak *tally* dengan EMIS data dia. So, saya nak tanya, ada berapa kes yang berlaku sebegitu melalui EMIS? Sekarang *I think the* masalahnya bukan daripada KPM sahaja tapi juga dengan JKR.

So, kebanyakan sekolah yang saya *visit*, yang kami *visit*-lah ada masalah yang JKR tidak hadir kah ataupun sudah *transfer* kah, tak tahu sampai manalah *the no, the— I think in the EMIS system, JKR also* boleh letak notes kah atau *is only fully use by KPM? Is it* dikongsi sistem ini? Soalan terakhir saya adalah untuk skala 7— *because* dalam satu sekolah, saya difahamkan ada banyak skala.

Mungkin tiang ini skala 1, tiang yang itu skala 2 dan mungkin *toilet* itu skala 7 dan satu lagi skala lain. So, kamu punya skala untuk ke total 500 lebih sekolah skala 8, ada berapa? Sebenarnya *how do justify that you* masukkan itu *total 500 schools* dalam skala 8 yang tidak boleh? *Because* dalam satu sekolah, *I've never seen* satu sekolah yang tiada skala 8. Memang *I think* semua yang saya *visit*, ada *something— sorry*, skala 7. Saya, sekolah yang saya *visit* kebanyakan ada beberapa kawasan adalah skala 7. So, adakah semua yang ada masalah yang di dalam ada sikit kategori skala 7 dimasukkan dalam kesemuanya sudah?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Pening kepala. Macam skala rojak ini.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: *[Ketawa]* Dia, YB kalau boleh saya respons. Dari segi penggunaan sistem EMIS, memang hanya kepada KPM sahaja dan dalam modul itu, dia ada secara terperinci *condition* bangunan tersebut dari segi dinding, dari segi cat, dari segi tiang, pendawaian. So, *detail*. So, itu yang guru data akan di-*update* berdasarkan pemeriksaan pada bangunan tersebut.

Dia akan *update* dalam sistem. Tetapi, seperti yang saya sebut pada peringkat awal tadi, setelah guru memasukkan data, proses verifikasi akan dibuat oleh pegawai-pegawai teknikal untuk mengesahkan. Mungkin pada pandangan secara kasar nampak macam ada kelemahan pada struktur dan sebagainya. Tetapi, proses verifikasi akan dibuat oleh pegawai teknikal. Ini yang disebut tadi untuk membantu pihak JKR juga.

Sebab itu kita tempatkan pegawai-pegawai jurutera dan ini telah berlaku mulai tahun lepas kita dah lantik. Kalau pada slaid yang sebelumnya. Ataupun yang selepas, yang selepasnya. Selepas ini.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Verifikasi tadi kah?

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Yang bilangan skim J tadi. *[Merujuk kepada pembentangan slaid]*. Okey, kalau Yang Berhormat tengok pada slaid ini, bilangan skim J, sebelum ini kita ada perjawatan yang tidak banyak jawatan teknikal, jawatan jurutera awam dan sebagainya. Tetapi, mulai tahun lepas, kalau tak silap saya Encik Ramzi, kita dah lantik seramai 200 lebih jurutera yang ditempatkan di setiap PPD yang membantu untuk pihak-pihak sekolah guru-guru data membuat pengesahan, verifikasi data dan sebagainya.

Sebab itu ini adalah sebagai satu cara untuk kita mengurangkan beban ataupun menunggu tempoh masa yang diperlukan oleh pihak JKR. Sebab itu dalam penjelasan berikutnya, kita dah wujudkan satu skala yang skala 6 itu kita dah ubah kepada ubah suai dan naik taraf yang telah pun diluluskan oleh Kementerian Ekonomi.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *Sorry.*

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Ini banyak membantu kita untuk melaksanakan proses naik taraf ataupun pembaikan yang tidak memerlukan intervensi daripada pihak JKR.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *So, either one? If* kalau guna jurutera KPM, *you don't need JKR* kan?

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Kalau pada penilaian kita pada skala 5, skala 6, kita tak perlu pada JKR.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *The* penilaian adalah daripada KPM? *Also don't need JKR?*

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Ya, ya.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *Okay.* So, JKR hanya masuk kalau adalah skala yang sangat...

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Skala 7.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: 7? Okey.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Ya.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey, saya nak rujuk kepada slaid nombor tujuh. *[Merujuk kepada pembentangan slaid]* Baik. Sungguhpun baru syor yang pertama, ada tiga syor lagi yang belum bincang. *[Ketawa]*.

D Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: *[Ketawa]*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey, dua soalan. Yang pertamanya, saya kira jumlah itu ataupun angka itu adalah angka yang dinamik.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Betul, betul.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Betul ya? Dinamik. Maknanya seperti yang telah dimaklumkan tadi, maknanya sistem EMIS ini diminta untuk guru data *update* bulanan. Jadi, saya kira, angka itu adalah angka yang dinamik. Kalau ikut lazimnya, pertambahan angka sekolah daif ini akan bertambahlah.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Ya, betul.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Cuma, saya nak kalau dapat dikongsikan juga, maknanya berapa bilangan sekolah *over the years*, yang sekolah-sekolah yang dalam kategori sekolah daif yang telah keluar daripada sekolah kategori sekolah daif? Ada tak data itu? Maknanya, contoh dia tahun ini 1,000 lebih sekolah daif, 100 lebih dah keluar daripada senarai sekolah daif. Contohlah. Jadi, ada tak, boleh kongsi data itu? Itu soalan pertama.

Yang keduanya, kita kekangan peruntukan ataupun kewangan dan kita tahu bilangan sekolah daif begitu banyak. Kalau kita nak buat projek ini serentak, memang tak cukup duit.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Ya.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Persoalan di sini, bagaimana kalau semua sekolah itu, 500 semua adalah dari kategori tujuh? Duit hanya cukup untuk buat 100. Bagaimana penilaian dibuat untuk memberikan 100 itu prioriti? Apakah kriteria yang digunakan untuk memberi keutamaan berlandaskan kepada kekangan kewangan itu sendiri ya? Kerana contoh dia, kalau di Wangsa Maju, di bandar raya, ibu kota kita ada satu sekolah yang satu blok memang tak boleh masuklah. Satu *whole block*, dah mendap dan sebagainya, yang tak masuk, apa, tak boleh digunakan.

Kepadatan— contoh di Wangsa Maju, kepadatan penduduk yang tertinggi di Malaysia. Kawasan Parlimen yang kepadatan tertinggi. Jadi, maknanya tidak boleh guna satu blok bangunan itu akan menjejaskan sangat tahap pendidikan kanak-kanak itu sendiri, pelajar-pelajar itu sendiri kerana mereka terpaksa guna kongsi kelas dan sebagainya. Jadi, itu adalah satu *real* keadaan yang berlaku, bukan jauh-jauh tapi tengah-tengah bandar.

Jadi, bagaimana —Soalan ya. Saya *repeat* soalan. Bagaimana nak menentukan keutamaan itu dalam kekangan kewangan yang ada? Terima kasih.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Saya jawab. Okey, terima kasih YB. Saya nak jawab pertama tadi dulu mengenai verifikasi data terhadap sekolah-sekolah daif. Seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, jumlah sekolah yang

dikategorikan sebagai daif, ini ada juga— maklumat ini adalah berdasarkan semakan Ketua Audit Negara dalam EMIS dan juga pengauditan yang dibuat 1,094 buah sekolah.

Tetapi dalam senarai 1,094 buah sekolah seperti yang saya jelaskan tadi, ada yang telah siap. Mana-mana projek yang dah siap, dia dah dikategorikan bukan lagi daif.

■1300

Ada saya sebutkan tadi, 708 projek sekolah yang dah siap. Ini bukan lagi daif. Tapi saya setuju dengan YB sebut tadi, data ini sangat dinamik. Dia akan berubah dari semasa ke semasa. Dalam keadaan sekarang apabila kita melaksanakan proses verifikasi data yang lebih agresif, data itu lagi menunjukkan perubahan. Ini kita akan *counter* balik apabila projek-projek yang telah diluluskan ini akan mula dilaksanakan proses pembinaan. Seterusnya, dalam masa yang sama kita juga memohon projek-projek baharu di bawah projek daif ini.

Kalau ikut pada data sehingga 30 Jun, setakat ini yang mungkin data ini belum dibuat verifikasi sepenuhnya. Saya sebutkan tadi 571 sekolah berada pada skala tujuh. Manakala bagi skala enam, 997. Kalau kita buat perbandingan antara data dalam Laporan Ketua Audit Negara 1,094. Sekarang ini berdasarkan data terkini kita ada 1,568 buah sekolah yang berada pada skala enam dan tujuh. Tetapi ini yang saya nak jelaskan dalam slaid yang berikutnya.

Untuk skala enam kita tak perlu lagi mengadakan permohonan dalam *rolling plan* bagi kerja-kerja naik taraf ataupun kerja-kerja mewujudkan membina bangunan baharu bagi mengatasi isu bangunan daif. Kita hanya melaksanakan proses ubai suai dan naik taraf di mana untuk makluman, pada tahun ini kita telah membuat permohonan kepada Kementerian Ekonomi untuk skala enam, kita dah memohon dan dah diluluskan peruntukan dengan kos sebanyak RM150 juta. Ini untuk mengatasi isu-isu pada projek-projek berada pada skala enam di mana sekolah ini masih lagi belum masuk kepada skala tujuh yang boleh dinaik taraf dan diselesaikan dalam waktu yang lebih singkat. Kos setiap projek adalah di bawah RM1 juta. Kita tak perlu menggunakan JKR. Boleh dilaksanakan di peringkat JPN ataupun di peringkat kementerian sahaja.

Untuk yang keutamaan tadi, sebab itu kita bergantung sepenuhnya kepada data yang dikemas kini oleh pihak sekolah dan juga pihak JPN dan PPD. Kalau kita melihat— sebelum kita mengangkat permohonan untuk projek sekolah daif ini ke Kementerian Ekonomi, ada beberapa syarat yang telah ditetapkan. Memandangkan kita ada kekangan peruntukan, so, kalau kita lihat kriteria yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi, yang pertamanya memiliki geran tanah. Tadi kita dapat pengecualian yang diberikan oleh pihak Kementerian Ekonomi. Surat pengesahan tidak selamat oleh JKR. Jika berada pada skala tujuh, mesti dapat surat pengesahan daripada JKR. Borang penilaian dan lawatan tapak oleh JPN, maklumat tanah *that means* setiap maklumat secara terperinci. Keluasan dan tapak kosong, justifikasi permohonan, skop projek, jadual keperluan ruang ataupun *schedule of accomodation* (SOA),

gambar-gambar berkaitan dan dokumen permohonan mengikut format yang telah ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi.

Perkara-perkara ini akan dinilai berdasarkan jika kriteria ini telah dipenuhi. Dia akan masuk ke permohonan dan akan disusun mengikut *priority*. Tetapi pada masa yang sama, untuk mengelakkan isu-isu keselamatan berbangkit kita akan mengambil tindakan-tindakan yang berkaitan. Sebab itu dalam perancangan kita akan datang— selain untuk mengatasi isu-isu bangunan blok yang tak selamat, yang tidak dirobohkan. Ini kita akan memohon untuk mewujudkan suatu butiran khusus bagi tujuan merobohkan bangunan-bangunan yang saya rasa mungkin kalau kita semak pada data mungkin banyak bangunan sebegini.

Tadi pun bila kita buat semakan terhadap sekolah-sekolah yang dibangkitkan oleh YB Tampin tadi pun, ada direkodkan dalam imej mengatakan tak ada isu bangunan daif. Sebab itu kita kena buat semakan verifikasi sekali lagi untuk menentukan adakah data yang di-*update* oleh pihak sekolah ini tepat dan seperti mana yang sebenarnya.

Kalau Senaling ini ada kategori dia. Sekejap ya, YB? Perlu semakan dari cawangan kerja cerun. Status dia masih *pending* di peringkat JKR lah. Dah dapat dah? So, kalau dah dapat repot mungkin kita akan *queue* untuk dapat untuk buat permohonan selanjutnya YB.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Makna tadi Tampin ini tak ada dalam rekod EMIS itu?

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Dalam EMIS kata tiada skala tujuh di SMK Bukit Jalor, Tampin.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Maknanya dia *problem* lah.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Okey lah ini yang kita cuba atasi YB.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Sebab benda ini dah lama. JKR dan luluskan untuk itu tapi tak dirobohkan. Saya tak pasti lah, kena semak balik lah. Takut nanti ada masalah dalam sistem juga, kan? Takkan kita nak sentiasa repot, repot sahaja?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tak apa dekat sini ada ramai ini. Dia boleh tengok apa keluhan ataupun aduan daripada Ahli PAC. Saratok.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Saya dari Saratok, Sarawak. Kita tahu lah Sarawak dengan Sabah memang sekolah daif memang nombor satu lah. Jadi, saya difahamkan semasa prosiding lepas bahawa di Sarawak, saya fokus dengan Sarawak ya, hampir kesemua sekolah sudah dimasukkan dalam sistem EMIS ini. Hampir kesemua. Saya difahamkan dulu *by the end of February* semua dah masuk dalam EMIS sistem. Jadi adakah informasi itu tepat, betul? Kedua pula, macam mana pula dengan tanah pemilikan tapak. Itu juga satu isu besar di Sarawak. Mungkin ada di Sarawak sini lah. Ada dua isu itu tadi. Satu itu berkenaan dengan data itu tadi. Betul kah dia sudah siap semua di Sarawak? Kedua itu masalah isu tanah tapak itu tadi. Sebab itu bersangkut-paut dengan projek pembinaan. Kalau tak sesuai, tak ada, tak ada geran tanah. Tak boleh bina. Payah juga itu.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: YB, *sorry*. Saya sebut kan tadi proses verifikasi itu adalah proses yang *ongoing* yang kita perlu buat dari semasa ke semasa. Ini kita akan buat pengesahan bukan sahaja di peringkat daerah, pihak sekolah, daerah dan juga negeri tapi akan disemak terutamanya oleh apabila permohonan itu diangkat oleh peringkat negeri, diangkat kepada kementerian di bawah EPRD, mereka akan buat verifikasi sekali lagi sebelum perkara ini diangkat untuk permohonan projek.

Untuk tanah tadi saya dah sebut kita dah dapat pengecualian daripada pihak Kementerian Ekonomi untuk membuat permohonan projek tanpa ada geran tanah pun dah boleh buat permohonan. Diberi pengecualian. Sebab kita tahu sekolah itu dah wujud mungkin dah 50, 60 tahun di situ. Tidak ada perubahan-perubahan yang berlaku setakat ini. Sebab itu kita akan proses untuk permohonan projek-projek untuk *rolling plan* yang akan datang.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: So, tidak perlu geran tanah daripada negeri ataupun PTP?

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Kita akan teruskan permohonan itu tetapi bukan bermaksud dia akan menjadi halangan kepada kita mohon projek. Kalau sebelum ini syarat dia mesti ada geran tanah baru boleh mohon projek dengan pihak Kementerian Ekonomi. Tapi sekarang ini kita boleh terus memohon *at the same time* kita akan memproses untuk pemilikan geran tanah. Maknanya kita boleh buat *concurrent* lah YB.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Okey ada cepat lah— dapat mempercepatkan proses.

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: YB, kita pun dah berbincang dengan Kerajaan Negeri Sarawak sebenarnya berkaitan dengan isu tanah ini. Kerajaan Negeri Sarawak amat bekerjasama lah. Maknanya, kalau setiap permohonan untuk membina sekolah ini mereka akan beri kerjasama untuk memberi tanah kepada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kejap saya bagi Kuala Pilah *then* bagi pada Betong ya.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: YB *Chairman*, saya nak tanya sedikit lah pada Datuk. Melalui *website* KPM, ada satu unit *task force* di bawah Cawangan Teknikal, Bahagian Pembangunan KPM. Jadi apakah boleh bagi penerangan sedikit apakah peranan dan fungsi unit *task force* ini? Terima kasih.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Sekejap. Kalau unit *task force* yang dimaksudkan dalam *website* tersebut, ini adalah untuk projek sekolah daif. Sebab dalam portal KPM memang ada *public* boleh semak keadaan semasa pelaksanaan projek-projek sekolah daif. Kita ada *task force* itu bermaksud *task force* yang diwujudkan di kementerian untuk memantau pelaksanaan projek-projek yang dalam pembinaan. Dia akan melihat bagaimana dia boleh membantu untuk mempercepatkan proses.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Okey, terima kasih.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Okey, terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Betong.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Soalan saya berhubung dengan Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan (EMIS) ini. Bagi projek ataupun bangunan sekolah-sekolah yang telah diverifikasi dan dimuat dalam sistem EMIS ini dan telah diverifikasi sebagai skala tujuh, contohnya.

■1310

Soalan saya, adakah *time frame* yang ditetapkan supaya bangunan yang daif dan tidak selamat itu mesti dirobohkan? Kedua, apabila sudah diverifikasi masuk dalam sistem, adakah perlu mohon peruntukan daripada Kementerian Ekonomi untuk merobohkan ataupun sudah ada dana khas untuk merobohkan bangunan yang daif itu tadi? Terima kasih.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Untuk makluman YB, untuk skop perubahan ini dimasukkan dalam sekali— bersekali dengan pelaksanaan projek. Maksudnya, kalau projek itu diluluskan untuk butiran projeknya diluluskan untuk pelaksanaan projek sekolah daif, skop meroboh itu dimasukkan dalam butiran tersebut. So, dia masukkan sekali.

Maknanya, pada peringkat awal bila dia luluskan— bila dia nak melaksanakan projek tersebut, dia akan robohkan dulu dan sebahagian daripada kontrak ataupun dibuat secara berasingan oleh pihak JKR. So, maknanya tidak ada isulah bila kita nak melaksanakan projek tersebut. So, skop perobohan termasuk dalam kos yang di skop— yang diluluskan dalam butiran projek.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Maksud saya, di— contoh di sesebuah sekolah, dia mungkin ada empat, lima bangunan tapi yang ada isu mungkin satu bangunan...

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Ya, betul.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: ...yang tak selamat dan mungkin belum ada bajet lagi untuk bina semula bangunan tersebut. Maksud saya tadi seperti kes yang dibangkitkan oleh rakan dari Kuala Pilah dan Tampin tadi. Bangunan itu memang rosak dan tidak selamat dan sambil kita menunggu peruntukan yang ada untuk bina baharu, adakah ada peruntukan ataupun *sinking fund* ataupun dana khas supaya bangunan yang tidak selamat itu dilupuskan dahulu sebelum kita tunggu dana untuk membina semula? Itu maksud sayalah.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Di bawah peruntukan mengurus, kita memang sediakan. Cuma itulah, peruntukan mengurus ini agak terhad. Sebab itu kita akan tengok dari segi tahap keselamatan yang mana yang perlu diberi *priority*. Tapi, memang ada peruntukan dan disediakan di bawah peruntukan mengurus, YB.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Kalau tidak, saya syorkan Kementerian Ekonomi menyediakan *sinking fund* lah dana khas apabila ada kes macam ini telah di-*verify*, bangunan itu roboh dan hapuskan.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Kita sokong, YB.

[Beberapa ahli ketawa]

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya minta KE untuk responslah, Kementerian Ekonomi. Ada wakil? Okey.

Datin Dr. Syahira binti Hamidon [Kementerian Ekonomi (KE)]: Seperti mana yang dimaklumkan oleh TKSU KPM, memang untuk sesuatu projek bangunan daif dia akan masukkan juga skop. Sekiranya perlu dirobohkan, skop itu akan dimasukkan dan kos untuk perobohan sememangnya sedia ada. Cuma, sekarang memang tiada adalah untuk satu sahaja butiran untuk meroboh. Maksudnya, sekiranya Kementerian Pendidikan Malaysia ingin mencadangkan, bolehlah hantar permohonan tersebut kepada Kementerian Ekonomi bagi pertimbangan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih KE. *Alright*, saya minta kita teruskanlah dengan pembentangan.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Terima kasih, YB. Kita terus kepada slaid— yang ini kita sudah jelaskan tadi. Cuma, yang saya nak *highlight* tadi pada slaid ini, sebelum ini skala enam dan skala tujuh kita akan laksanakan program roboh dan bina baharu.

Tetapi, di bawah kelulusan terkini oleh Kementerian Ekonomi, skala enam kita akan laksanakan projek ubah suai dan naik taraf di mana kerja-kerja ubah suai dan naik taraf ataupun ringkasannya, USNT ini adalah bangunan dan melibatkan skop untuk mempertingkatkan struktur bangunan yang perlu kita tangani bagi mencegah kebarangkalian dikategorikan daif di skala tujuh.

So, secara keseluruhannya berdasarkan data terkini, kita ada sebanyak 775 buah sekolah yang mempunyai bangunan di skala tujuh yang akan ditangani untuk memastikan tahap keselamatan dan sesi PdP yang kondusif.

Untuk permulaan, seperti yang saya sebutkan pada awal tadi kita akan laksanakan fasa satu sebanyak RM150 juta kos telah diluluskan dan pada tahun ini, kita akan mulakan untuk kerja-kerja ubah suai dan naik taraf sebanyak 15 buah sekolah yang akan dimulakan dijangka pada bulan Ogos nanti. Manakala baki 625 akan dimulakan secara berperingkat mengikut kelulusan yang diberikan oleh pihak Kementerian Ekonomi tetapi kita akan bagi *priority* untuk menyegerakan proses kerja-kerja ubah suai dan naik taraf ini.

Selain daripada itu, KPM juga akan memohon kepada Kementerian Kewangan untuk memudah cara tatacara perolehan agar had nilai ambang yang telah dinaikkan pada tahun 2022, 2023 dan 2024 dapat diteruskan khusus untuk projek USNT ini hingga selesai. Untuk makluman YB dan Ahli-ahli PAC, sebut harga bagi melaksanakan projek program ubah suai

dan naik taraf sebelum ini adalah setakat RM500,000. Tetapi, MoF telah memberi kebenaran kepada kementerian untuk menaikkan had nilainya kepada RM1 juta. So, proses itu boleh dilaksanakan di peringkat kementerian dan lebih cepat dilaksanakan memandangkan nilainya pun sudah meningkat kepada RM1 juta. Kita akan memohon daripada pihak MoF untuk diteruskan sampailah projek ini dapat diselesaikan. *Especialy* untuk 775 buah sekolah ini.

Seterusnya adalah kepada cadangan ketiga ataupun tindakan yang kita akan laksanakan adalah untuk meningkatkan permohonan projek daif dalam *rolling plan* yang akan datang. Kalau kita melihat kepada statistik, pada *rolling plan* yang pertama 2021. Tahun 2021 ada 50 buah projek yang telah dipohon dan diluluskan; tahun 2022 60 projek yang dimohon, 42 diluluskan; *rolling plan* ketiga 86 projek yang kita mohon, semua 86 diluluskan. Begitu juga pada tahun ini, *rolling plan* yang keempat 72 projek, 72 diluluskan.

Tetapi, kita baru sahaja luluskan tambahan kelulusan lima projek rintis daif Sarawak melalui surat daripada Kementerian Ekonomi bertarikh 27 Jun 2024. Untuk *rolling plan* yang kelima, kita memohon sebanyak 121 projek sekolah daif. Ini adalah sebahagian daripada sekolah-sekolah yang termasuk dalam 1,094 projek yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Nak tanyalah. Kalau kita tengok pada graf itu [*Merujuk pada pembentangan slaid*], dia agak— *I mean* 2023, 2024 dia menurun kan permohonan itu?

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tapi, pada tahun 2022 ke 2023, naik tapi macam *slightly* naiklah. Tapi, pada tahun 2024 untuk ke 2025, nampak dia lagi nampak menaik tinggi. Adakah disebabkan oleh PAC?

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: [*Ketawa*]

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tak ada— tanya. *I mean*, ya kita nak tahulah keberkesanan. *That means* adakah *because* kita adakan ini yang menyebabkan tindakan diambil oleh KPM?

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: 121 projek ini kita mohon *last year* lagi sebenarnya untuk permohonan *rolling plan*. Perancangan dibuat pada tahun lepas. So, apabila pihak Kementerian Ekonomi membuka sistem untuk membuka permohonan, so, 121 projek ini memang dah dimasukkan dalam perancangan yang telah pun memenuhi kriteria-kriteria yang saya sebutkan tadi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, maksudnya *indirectly* TKSU menjawab tidaklah?

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Tidak, tidak.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Because of this?* Okey.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Memang sudah ada dalam perancangan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Alright.*

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Sebab itu saya sebutkan tadi, program sekolah daif sudah bermula dari tahun 2016. So, kita dah berterusan dan kita akan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan supaya akhirnya nanti dari segi pelaksanaannya tidak bermasalah. Sebab kalau syarat-syarat itu tidak dipatuhi, dari segi pelaksanaan akan bermasalah dan akan melambatkan proses pembinaan.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Okey, saya nampak ada sebut kelulusan lima projek rintis. Apa sebenarnya projek rintis ini?

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Projek rintis ini adalah berdasarkan perbincangan dalam Jawatankuasa Khas Strategi Pemerkasaan Bangunan— pembangunan bangunan daif, sekolah daif dan fasiliti kesihatan Sarawak yang diadakan bersama dipengerusikan oleh Ketua Pengarah ICU dan diadakan bersama wakil kerajaan Sarawak MEITD.

So, daripada situ terdapat cadangan daripada kerajaan Sarawak untuk membantu mempercepatkan proses pelaksanaan projek sekolah daif yang akan dilaksanakan oleh JKR Sarawak melalui pemantauan oleh Kerajaan Sarawak secara terus. Sebab itu bila diputuskan supaya KPM untuk melaksana— mewujudkan butiran ini dan kita telah memohon kepada Kementerian Ekonomi dan diluluskan pada 27 yang lepas. 27 Jun yang lepas iaitu lima projek sebagai projek rintis. Dia sebenarnya projek di sekolah daif di Sarawak ini dah bermula dengan projek RM1 bilion dan sebagainya. Tapi, ini sebagai tambahan yang diberikan kelulusan oleh kerajaan.

■1320

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Ini yang kosnya di bawah Kerajaan Sarawak ataupun?...

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Tak. Ini kosnya di bawah Kementerian. Akan tetapi pemantauan akan dibuat terus oleh Kerajaan Sarawak bersama pihak JKR Sarawak. Sebab cadangan itu kita terima daripada Kerajaan Sarawak.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, *since* dah disebut tadi — peruntukan RM1 bilion untuk sekolah daif. *Correct me if I am wrong*, tujuan asal dulu Kerajaan Sarawak menyediakan dana RM1 bilion sebagai *matching grant*. Adakah yang *RM1 billion from Federal* itu dah disediakan atau belum?

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Dah sedia dan dah dilaksanakan. Kita tinggal fasa terakhir ada beberapa projek sahaja yang masih lagi dalam fasa pembinaan untuk peruntukan di bawah RM1 bilion. So, itu kita akan masuk ke fasa berikutnya dan bermula dengan projek rintis yang lima projek yang saya sebutkan tadi.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Matching grant.*

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: *Matching grant* itu dah selesai. Dah hampir ke berapa projek sahaja. Mungkin JKR Sarawak boleh *update* tentang projek di bawah apa ini RM1 bilion.

Puan Noriyah binti Kandar [Timbalan Setiausaha Bahagian Kanan (Seksyen Perancangan dan Pengurusan (Bahagian Pembangunan), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM))]: Okey. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat tengah hari. Untuk projek RM1 bilion itu kita telah dilaksanakan tiga fasa secara berfasa. Fasa satu, dua dan tiga. So, kalau ikutkan kebanyakan projek ini ada yang dah siap ada yang dalam pelaksanaan dan begitu juga dalam peringkat prabina. So, kalau ikut sekarang jumlah keseluruhan projek di bawah program RM1 bilion adalah sebanyak 141 projek di negeri Sarawak.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Soalan saya *matching grant*, apabila Kerajaan Sarawak menyediakan RM1 bilion dan *Federal* akan menyediakan *matching grant* yang sama. Itu soalan saya.

Puan Noriyah binti Kandar [KPM]: Okey. Bukan. Yang ini kalau dari segi yang kita faham bukan *matching grant*. Cuma kat situ adalah persefahaman antara pihak Kerajaan Persekutuan dan pihak Kerajaan Negeri Sarawak di mana kerajaan Negeri Sarawak membayar awal pinjaman dan dipulang kepada MoF sebanyak RM1 bilion dan disalurkan kepada KPM dalam bentuk siling tahun. Kita DE, dalam bentuk DE untuk melaksanakan 141 projek dengan kos sebanyak RM1 bilion.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Jawab pakai *mic*. Nanti tak ini...

Puan Noriyah binti Kandar [KPM]: Maksudnya bukan *matching grant*. Cuma maksud saya Kerajaan Negeri Sarawak bayar balik kepada Kerajaan Persekutuan dan kita pulangkan balik pada negeri Sarawak dalam bentuk projek dengan kos yang sama RM1 bilion.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *All right*. Teruskan.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Boleh ke slaid yang berikutnya. Cadangan keempat YB, adalah untuk menyuraukan murid daripada bangunan tak selamat. Ini pun telah dibuat verifikasi oleh pihak Kementerian Kewangan seperti mana yang telah dibentang oleh Tuan Ramzi tadi. Di mana KPM telah membuat penelitian dan perancangan awal bagi sekolah yang melibatkan kelulusan projek bagi memastikan sesi PdP tidak terkesan sepanjang tempoh pembinaan. Kaedah penyuraian yang bersesuaian dengan keadaan tapak, kos dan juga jumlah murid dikenal pasti dengan lebih awal.

Antara kaedah yang telah dikenal pasti ialah seperti di paparan iaitu,

- (i) melaksanakan PdP secara dua sesi;
- (ii) menyuraukan murid ke sekolah lain yang berhampiran;
- (iii) menukar fungsi kegunaan bilik sedia ada;

- (iv) menaik taraf ruang lain untuk dijadikan bilik darjah dan;
- (v) menyewa kabin atau menyediakan bangunan sementara.

Ini adalah perkara-perkara yang dilaksanakan dari semasa ke semasa apabila projek sekolah daif di sekolah berkenaan akan bermula.

So, kita akan buat sama ada kita buat secara sekolah dua sesi bagi memenuhi keperluan pendidikan. Ataupun disuraikan ke sekolah-sekolah lain yang berhampiran ataupun kita menukar fungsi kegunaan bilik-bilik ruang-ruang yang sedia ada di sekolah tersebut. Yang seterusnya adalah menyewa kabin ataupun menyediakan bangunan sementara seperti yang telah dibentangkan sebelum ini.

Kalau kita lihat pada gambar-gambar, untuk makluman kita telah pun memohon kepada Kementerian Ekonomi di bawah RP4 untuk penambahan skop penyuraian murid dengan penyewaan kabin dan pembinaan bangunan sementara.

Kalau sebelum ini, bila kita laksanakan projek bangunan daif ataupun sekolah daif, dia hanya melaksanakan projek sekolah tersebut sahaja. Akan tetapi tidak melibatkan kos untuk penyuraian. So, dalam skop yang terkini kita masukkan kos penyuraian di mana kontraktor yang dilantik akan menyediakan bangunan sementara untuk dijadikan bilik darjah bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran tidak terjejas. So, ini yang dilaksanakan.

Mungkin boleh tengok contoh-contoh. Ini antaranya adalah secara dua sesi kita laksanakan. Sebenarnya dia banyak sekolah tapi SK Muhibbah ini salah satu sekolah yang terlibat dengan projek sekolah daif. *And then*, di SK Seri Kuala Muda dan untuk menukar fungsi kegunaan bilik sedia ada dilaksanakan di beberapa sekolah. Sebagai contoh di SK Si-Rusa dan SK Dato' Klana Putra. Kemudian, di kaedah penyuraian dilaksanakan juga di SK Si-Rusa. Okey.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, terima kasih di atas inisiatif menyuraikan murid ini pada bangunan yang tidak selamat. Ini baru, bukan? Yang pembinaan dulu-dulu dia tak masuk dalam senarai?..

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Dia tak masuk dalam skop.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Itulah. Jadi sehubungan dengan itu saya nak tanya ada satu kes di kawasan saya yang kita lawat bulan Februari dulu iaitu di SK Paku Central. Kalau dia punya inisiatif ini telah dilaksanakan dulu memang elok. Akan tetapi, keadaan yang kita lawat tempoh hari, keadaan itu memang sedih. Tambah lagi projek itu projek sakit.

Jadi, saya ingat hampir dua tahun lebih dia orang ditempatkan di satu dewan yang tak kondusif dan tak selamat. Sehubungan dengan itu, mungkin dapat di-*update* apakah status pembinaan dia sekarang? Sebab dahulu masa kita melawat dijanjikan siap pada bulan April. Sekarang dah bulan Julai. Mungkin dapat *update* daripada JKR Sarawak. Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebab saya pun nak tahu. Sebab masa hari itu agak *confident* betul pembentangan dibagikan pada PAC sewaktu lawatan itu. Bila kita kata boleh ke siap ini? Mereka kata boleh, bukan?

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Silakan JKR Sarawak.

Puan Hj. Sharifah Liz Farawati binti Wan Omar [Timbalan Pengarah (Bangunan dan Pakar), Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR Sarawak)]: Terima kasih, *this one* — Yang Berhormat Datuk Wira. So, untuk projek Paku Central. Saya Sharifah Liz Farawati, saya daripada JKR Sarawak. Untuk projek Paku Sentral, secara fizikalnya projek dah siap. So, *and then* kita dah baru-baru ini kita telah mengadakan *testing* dan *comissioning*, kita telah buat. *And then* telah lulus semua, *and then* sekarang ini kita sedang dalam proses untuk menyediakan itu mengeluarkan Certificate of Practical Completion (CPC).

Untuk manakala untuk bomba, kita telah — untuk lukisan bangunan itu kita telah mendapat kelulusan daripada bomba dan sekarang ini kita sedang akan mengadakan pemeriksaan kepada bangunan tersebut. *Insyallah* mungkin dalam minggu hadapan *and then* kita berharap sekiranya kita mendapat surat sokongan daripada pihak bomba, projek ini kita dapat serahkan kepada JPNS dalam bulan ini. *Insyallah*.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Puan Hj. Sharifah Liz Farawati binti Wan Omar [JKR Sarawak]: Boleh pakai. Bomba — selepas mendapat kelulusan bomba.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Dia termasuk kerusi meja sekali ke? Kontrak?

Puan Hj. Sharifah Liz Farawati binti Wan Omar [JKR Sarawak]: Ya.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Boleh saya komen sedikit mengenai — daripada pemerhatian saya kenapa projek ini sakit. Sebab kontrak ini ada tiga sekolah, digabungkan pada satu kontrak. Kosnya pun tinggi dan keduanya, ketiga-tiga sekolah ini di daerah-daerah yang berasingan dan jauh. Ini menyebabkan kesukaran untuk kontraktor untuk — hari ini dia punya pekerja di Paku Central, besok dia pindah ke sana. Jadi saya lihat itu punca dia kenapa kontraktor tak dapat *deliver* projek ini ikut jadual.

Kalau boleh jangan buat macam ini lagi. Bagi satu sekolah untuk satu kontraktor supaya lebih ramai lagi kontraktor yang dapat projek daripada nak *justify* satu kontraktor ini dapat tiga projek ini dan tak dapat *deliver* dan menyusahkan rakyat. Kalau boleh jangan *repeat* kontrak macam ini lagi masa depan.

■1330

Puan Hj. Sharifah Liz Farawati binti Wan Omar [JKR Sarawak]: Baik, Yang Berhormat, so, memang kita dah mengambil pengajaranlah daripada pelaksanaan projek yang menggunakan pakej inilah. So, selepas yang— terutamanya kebanyakan pakej ini di

bawah Fasa 2 hari itu. Selepas daripada apa yang kita tengok, banyak isu yang kita dapatilah dari melaksanakan projek secara pakej. So, yang projek-projek yang seterusnya kita melaksanakan projek daripada satu projek satu tenderlah.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: *Chairman*, Pengerusi. Saya nak sentuh sikitlah fasal kita bercakap tentang isu bangunan tidak selamat ini lah. Saya pengalaman di Kuala Pilah ada dua buah sekolah. Sekolah Menengah Kebangsaan Senaling tadi saya sebut. Satu lagi Sekolah Menengah Kebangsaan Jelai. Sampai sekarang CF tak dapat. Jadi, budak sekolah dah masuk dah. Saya rasa banyak pun sekolah yang berlaku begini. Isu dia, bila CF tak dapat pelajar masuk— dah lama pun bangunan ini. Jadi, isu dia kalau apa-apa berlaku dalam kawasan sekolah tersebut apabila ia melibatkan perlindungan insurans sebagai contohnya, CF tak ada. Jadi, banyak sebenarnya implikasi undang-undang akan terbit apabila berlakunya keadaan ini.

Jadi, saya harap memandangkan KPM bersama dengan JKR, harap dapat lihat perkara ini dengan lebih mendalam apabila masuk sekolah dalam keadaan tidak ada sijil kelayakan menduduki ini. Saya sebut ini untuk Kuala Pilah, SMK Jelai, Yang Berbahagia Dato' dan SMK Senaling seperti mana yang saya nyatakan tadi. Terima kasih Dato'.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Terima kasih YB dan kita akan semak dan *take note* perkara ini untuk dilihat bagaimana ia boleh diselesaikan. Kalau boleh saya *move* kepada syor yang kedua. Seperti mana yang telah disebutkan syor kedua adalah untuk meningkatkan perancangan pelaksanaan program penyelenggaraan sekolah-sekolah bagi mengurangkan kebarangkalian sekolah-sekolah berkenaan dikategorikan sebagai sekolah daif.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan Ahli-ahli PAC serta ahli mesyuarat, KPM komited untuk melaksanakan Projek Operasi Senggara, Pemulihan, Pemuliharaan, Ubah Suai dan Naik Taraf ataupun ringkasannya OSPPUN di institusi pendidikan kerajaan dan turut— pada masa yang sama, turut menyalurkan sumbangan kepada sekolah bantuan kerajaan dengan berpanduan kepada Akta Pendidikan 1996 Dasar Pengurusan Aset Kerajaan dan semua pekeliling am dan garis panduan serta peraturan semasa yang berkuat kuasa berkaitan dengan pengurusan aset kerajaan.

Dalam tempoh tahun 2022 hingga 2024, agihan peruntukan penyelenggaraan di bawah OSPPUN yang berjumlah 3.1 bilion telah dilaksanakan dengan pecahan tahunan seperti yang tertera di slaid. Pada tahun 2022 – RM904.7 juta, 2023 sebanyak RM1.686 bilion, 2024 kita diluluskan sebanyak RM901.7 juta. Agihan peruntukan ini seperti yang telah disebutkan oleh Dato' Indera KSU peruntukan minimum sebanyak RM20,000 bagi setiap sekolah diagihkan pada tahun 2023 dan 2024. Pada masa yang sama, pada tahun lepas kita telah laksanakan peruntukan khas naik taraf dan penyelenggaraan kecil khususnya berkaitan dengan tandas di sekolah kerajaan pada tahun 2023 yang mana ia telah selesai dilaksanakan

pada penghujung tahun dan ada beberapa projek yang diselesaikan pada awal tahun ini khususnya di Sarawak dan beberapa kawasan lagi.

Selain daripada itu, peruntukan sebanyak— peruntukan khas sebanyak RM100 juta untuk institusi pendidikan kerajaan di Sabah turut diagihkan pada tahun 2023. Peruntukan khas RM100 juta untuk institusi pendidikan di Sarawak pada tahun 2023 dan peruntukan sebanyak RM15 juta untuk menyenggara 29 buah institusi pendidikan kerajaan dalam Kem Angkatan Tentera Malaysia pada tahun 2024. Pelaksanaan OSPPUN di bangunan sekolah KPM dipantau pelaksanaannya melalui Mesyuarat Pemantauan Prestasi Peruntukan Penyelenggaraan yang dilaksanakan pada setiap bulan bersama agensi-agensi pelaksana sama ada di peringkat kementerian JPN, JKR dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan ataupun ICU.

Prestasi perbelanjaan peruntukan ini turut dilaporkan melalui *dashboard*. Di mana kita ada sediakan satu *dashboard* agar ia turut dapat dipantau oleh semua peringkat jabatan dan pengurusan tertinggi kementerian. Selain daripada itu, diadakan juga lawatan-lawatan pemantauan bagi memastikan semua peruntukan yang disalurkan bagi tujuan pelaksanaan kerja penyelenggaraan ini dapat disiapkan pada tahun semasa. Dengan pencapaian dan prestasi yang telah dicapai di mana setiap tahun peruntukan ini memang dapat dibelanjakan sepenuhnya. Kita percaya akan dapat memastikan fasiliti dan sekolah-sekolah kita akan dapat— buat penyelenggara dengan baik untuk mengelakkan supaya termasuk dalam kategori tadi atau skala-skala yang lebih serius.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Datuk Wira Pengerusi, boleh saya tanya? Jadi untuk peruntukan 2023 itu, dia jurang antara dengan tahun sebelum itu dan selepas itu adalah RM700 juta. Adakah ini faktor utama adalah penambahbaikan tandas yang dilaksanakan seluruh negara?

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Ya, secara keseluruhannya peruntukan tandas ini RM654 juta. Kalau YB tengok pada *row* yang penyelenggaraan tandas itu— tetapi ini adalah perbelanjaan pada tahun lepas RM629.79 juta. Itu projek-projek tandas yang sempat selesai pada tahun lepas. Untuk Sarawak sebab kita ada isu pelaksanaan sedikit. So, kita sambung pada tahun ini dan *alhamdulillah*, setakat ini setelah diselesaikan di negeri Sarawak. So, secara keseluruhan RM654 juta ini telah pun kita belanjakan untuk Projek Penyelenggaraan Tandas.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Saya nak komen sikitlah projek tandas ini. Sebab, dia satu tandas itu— sebuah sekolah RM70,000 ya?

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: RM70,000

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Dia sebenarnya kalau bina baru itu memang cantiklah. Tetapi, dia cakap *upgrading*. Jadi, ada kontraktor yang ambil kesempatan dia buat itu macam tidak mengikut *spec* yang ada. Banyak kejadian macam itu. Ada kontraktor yang

buat betul-betul cantik. Memang *five stars* punya. Kos yang sama. Jadi, macam mana spesifikasi masa itu? Ada standard spesifikasi ataupun mengikut tempat-tempat tertentu itu? Di Saratok memang ada kejadian itu. Saya tak naklah bagi nama itu. Dia memang ada. Ada yang pihak sekolah memang tak puas hatilah sebab nampak sekolah lain, cantik. Sekolah dia buat tak cantik. Padahal, kos yang sama.

Jadi, ada juga sebuah sekolah itu bangunannya nak runtuh tetapi tandasnya lima bintang. [Ketawa] Tetapi, memang ada spesifikasikah untuk tandas ini dahulu? Macam mana pemantauan dia?

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya peruntukan untuk penyelenggaraan tandas ini di bawah tajuk penyelenggaraan, secara umumnya. Penyelenggaraan kecil. Tetapi, memfokuskan kepada penyelenggaraan tandas. Jadi, tujuan utama peruntukan itu disalurkan adalah untuk memastikan kesemua tandas di sekolah berfungsi. Bukannya cantik *five stars*, *four stars*, *no*. Nak *make sure* tandas semua berfungsi. Sekiranya peruntukan itu kita gunakan— contoh, saya bagi contoh RM20,000, semua tandas berfungsi. *So, balance* ataupun baki RM50,000 itu sekolah boleh buat penyelenggaraan kecil yang lain termasuklah nak buat tandas cantikkah dan sebagainya. Itu terpulang kepada pihak sekolahlah bergantung kepada BQ yang disediakan.

Untuk makluman, Sarawak *actually* jumlah peruntukan yang disalurkan adalah sebanyak RM100,000 untuk satu sekolah. Bukan 70. Sarawak 100, Sabah pun 100. Semenanjung 70. Kita memandangkan kos untuk di Sarawak lebih tinggi, *so* kita sediakan peruntukan yang lebih besarlah untuk penyelenggaraan tandas. Isunya ialah dari segi pelaksanaan pada asalnya di Sarawak *very smooth* dari segi perlaksanaan tetapi pada permulaan nak bermula itu ada isu sedikit di mana kita terpaksa laksanakan sendiri melalui Kementerian Pendidikan ataupun JPN ataupun PPD dan juga ICU JPM.

Tetapi, setengah-setengah kalau ikut persefahaman asal itu maknanya kita boleh menggunakan agensi-agensi yang lain seperti PBT ataupun pejabat daerah dan sebagainya lagi. Tetapi, keputusan telah dibuat bahawa hanya JPN, PPD dan juga ICU JPM yang melaksanakan tandas di Sarawak.

■1340

Dari segi penyediaan spesifikasi itu terpulang kepada teknikal, YB. Macam mana disediakan BQ-nya. Mungkin kita tak nampak tapi tandasnya berfungsi. Mungkin dia tukar dari segi peralatan—mangkuk, *the piping* dan sebagainya lagi yang menyebabkan tandas itu berfungsi. Macam saya katakan tadi kalau dah habis guna, dah tak ada tandas, dah okey semua, nak buat *five stars* pun terpulang kepada pihak sekolah, ataupun dia boleh gunakan duit itu untuk mengecat sekolah dan sebagainya lagi.

Pada tahun ini juga kita bagi peruntukan kepada semua sekolah SBK untuk penyelenggaraan tandas di seluruh Malaysia. SBK di seluruh Malaysia untuk— seluruh Malaysia kah? Untuk penyelenggaraan tandas seperti yang kita buat pada tahun lepas. Terima kasih, YB.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Boleh saya teruskan? Untuk syor yang kedua ini, kita amat memerlukan sokongan daripada PAC untuk supaya kita dapat peruntukan yang mencukupi daripada MoF bagi menyenggara sekolah-sekolah kita. Sebab setiap tahun kita luluskan sebanyak RM1 bilion *which is* pihak KSU pun dah sebut tadi. RM1 bilion kalau kita bahagi dengan 10,000 sekolah, berapa sangat yang dapat dan dia tak dapat memenuhi keperluan sebenar penyelenggaraan.

Berdasarkan perkiraan kita, kita memerlukan seperti mana yang slaid yang tertera. Kita perlukan sekurang-kurangnya RM1.5 bilion. Ini untuk sekolah sahaja. Di bawah KPM kita ada lagi institusi-institusi pendidikan yang lain— IPG, Kolej Matrikulasi, Kolej Vokasional dan sebagainya, turut memerlukan peruntukan penyelenggaraan yang konsisten supaya kita dapat memastikan bangunan-bangunan kita akan berada dalam keadaan yang kondusif dan selamat.

Cadangan kedua yang dilaksanakan di bawah syor ini adalah untuk memperkasakan peranan pengarah jabatan pendidikan negeri bagi pelaksanaan penyelenggaraan menggunakan peruntukan negeri dan agensi luar. Ini yang telah dijelaskan oleh Dato' Indera KSU tadi pada awal prosiding. Mulai tahun ini kita telah turunkan kuasa di peringkat pengarah negeri sahaja. Bermula dengan Sarawak dan kemudiannya telah dikembangkan kepada semua pengarah negeri di mana proses itu akan dapat disingkatkan. Sebab kalau dia semua permohonan dikumpulkan dari segi proses di peringkat kementerian, dia akan mengalami kelewatan sebab jumlah dia terlalu banyak *especially* apabila permohonan itu datang pada penghujung tahun.

Kita tahu setiap Ahli Parlimen diberikan peruntukan khusus pada setiap tahun yang perlu dihabiskan dalam tahun semasa. Kalau permohonan itu datang pada bulan Oktober contohnya, memang nak proses di peringkat kementerian akan mengambil masa. Kemungkinan tak dapat dibelanjakan. Sebab itu melalui penurunan kuasa ini, pengarah negeri boleh terus buat semakan dan verifikasi. Jika dipersetujui dan terus diluluskan dan dilaksanakan di peringkat negeri. Ini salah satu cara yang kita tambah baik bagi memastikan program-program penyelenggaraan ini yang kita perolehi melalui selain daripada peruntukan kementerian, sama ada melalui peruntukan kerajaan negeri ataupun peruntukan agensi-agensi pusat yang lain dapat dibelanjakan.

Syor ketiga bagi memantapkan kaedah pengurusan projek melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian. Untuk makluman, Mesyuarat Majlis Tindakan Permohonan Kementerian ataupun MTPK yang dipengerusikan oleh Yang

Berhormat Menteri Pendidikan dan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Permohonan Kementerian (JTPK) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha merupakan salah satu mekanisme bagi memantau prestasi projek dan mengesan isu-isu pelaksanaan projek. Langkah ini dapat meningkatkan kecekapan dan menyelaraskan tindakan penyelesaian yang melibatkan pelbagai agensi pusat dan juga agensi pelaksana.

Di samping itu juga, perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar dan strategi di peringkat negeri juga dapat diputuskan. Di bawah syor ini, antara tindakan yang dilakukan bagi memantapkan pemantauan projek pembangunan semula sekolah daif seperti mana yang telah disyorkan oleh pihak PAC. Di dalam MTPK dan JTPK adalah seperti berikut:

- (i) melaporkan prestasi pelaksanaan projek pembangunan termasuk projek daif dalam MTPK dan JTPK oleh semua agensi pelaksana. Ini merupakan salah satu agenda secara spesifik. Kalau sebelum ini kita bincang tidak spesifik. Tapi dalam perbincangan di peringkat MTPK dan JTPK dibincangkan secara spesifik bagi projek-projek sekolah daif. Sama ada projek itu berada di peringkat dan fokusnya kepada projek-projek yang masih lagi berada pada peringkat pra-bina ataupun projek yang di dalam proses pembinaan sama ada dia mengikut jadual, mendahului jadual ataupun projek-projek yang sakit;
- (ii) membincangkan isu dan keperluan khusus bagi pelaksanaan projek daif untuk perhatian dan pertimbangan agensi pusat. Antara isu-isu yang telah diketengahkan ialah permohonan pelanjutan penambahbaikan pelaksanaan projek daif secara tatacara perolehan prakelayakan, perolehan perabot dan juga aset alih— had nilai perolehan yang saya sebutkan tadi, had nilai perolehan sebut harga dinaikkan daripada RM500,000 ataupun RM800,000 kepada RM1 juta bagi mempercepatkan proses perolehan dan juga urusan rundingan 20A yang melibatkan perbincangan dengan PLANMalaysia di bawah Kementerian KPKT;
- (iii) mempertimbangkan dan meluluskan garis panduan dan keputusan dasar di peringkat kementerian yang dapat mempercepat dan memudah cara pelaksanaan pengurusan projek daif;
- (iv) menyasarkan tindakan segera bagi projek yang memerlukan intervensi berdasarkan pelaporan dalam JTPK dan MTPK. Isu-isu berkaitan projek yang memerlukan intervensi juga boleh dikemukakan di peringkat negeri melalui Majlis Tindakan Pembangunan Negeri di mana setiap bulan ada mesyuarat sama ada Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negeri ataupun Majlis Tindakan Pembangunan Negeri dan isu-isu yang berbangkit secara spesifik akan dibentangkan dan dibincangkan serta dicari jalan penyelesaian dan;

- (v) melaporkan status projek pembangunan semula bangunan daif di sekolah di peringkat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Setiausaha Negara. KSU KPM juga turut melaporkan status pelaporan pembangunan semula bangunan daif di sekolah termasuk laporan secara mingguan melalui ICU.

Itu adalah lima perkara yang kita buat pemantapan bagi pemantauan sekolah daif.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: YB Datuk Wira Pengerusi, boleh? Bagi pandangan sikit. Apa yang kita laksanakan— baiki bangunan daif ataupun membina semula, membaiki bilik air dan sebagainya ini, satu daya usaha yang cukup baik dan murni. Tapi *let's move one step beyond*.

Selepas kita laksanakan semua projek ini, *how's our next plan* dari segi sistem untuk memantau apa yang kita telah laksanakan dari sudut— *now what we are doing is correcting measures. We are not doing preventive measures*. Kalau kita tak ada program sistem untuk *preventing measures* ini, *next year, next two years* dia *mai* balik. So, kita berulang-ulang lah akan buat benda ini. Apakah rancangan kementerian dan juga peringkat negeri untuk membuat satu sistem untuk kita jayakan *preventive measures* ini? Kita kena ada *data bank*, sekolah-sekolah ini dibina, dibaik pulih bila-bila, tandas bila-bila, *how often* kita pergi *check* dia supaya— macam kita punya kereta, *engine oil*, minyak enjin dan sebagainya kita *certain mileage* kali kita pergi *check*, kan?

Jadi, macam mana kita nak buat? Saya tahu benda ini bukan mudah. Akan tetapi saya rasa perlu ada sistem supaya dia masalah ini tak berulang. Lepas itu kita *spend money* lagi. *Money spent on corrective measures compared to preventive measures*, selalu *corrective measures* dia punya kos *is much higher than preventive*. *Preventive* ini *you just have the system*. *You* ada sikit, *you repair*, betulkan. Kalau dia ini rosak rabak ini, dia nak *repair* balik mahal. So, ada tak program yang macam itu untuk *looking forward, moving forward* untuk keseluruhan Kementerian Pendidikan berhubung dengan sekolah-sekolah ini? Terima kasih.

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Yang Berhormat Datuk Wira dan Ahli-ahli Mesyuarat. Berdasarkan kepada persoalan yang dibangkitkan itu, memang kita mengakui lah sebelum ini pun peruntukan penyelenggaraan kita terlalu sedikit. Tidak meliputi kesemua sekolah yang ada di Malaysia.

Jadi, pada tahun 2023 dan 2024 itu kita telah membuat satu polisi baharu. Maknanya, minimum *RM20,000* kita berikan satu sekolah supaya mereka *at least* ada usaha untuk menyenggara sekolah walaupun dapat membuat penyelenggaraan-penyelenggaraan kecil.

■1350

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Perkara-perkara kecillah kan, sebelum dia jadi besar? Okey.

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Ya, ya. Macam kereta juga YB...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Betul.

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Kalau kita beli kereta tak servis. Lama-lama kereta pun rosak juga. Kalau kita hantar servis [*Ketawa*] Kena minta duitlah untuk servis. Jadi...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tengok-tengok lagi mahallah daripada tukar minyak hitam. Itu kita punya analogi.

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Sebab itu usaha. Ya. sebab itu usaha kita tadi, kita minta Kementerian Ekonomi untuk ataupun MoF untuk meningkatkan kita punya peruntukan penyelenggaraan. So, kalau kita banyak peruntukan penyelenggaraan but *in the future* untuk sekolah daif pun akan berkurangan. Sebab sekarang ini ada sekolah yang tak pernah di-*maintenance* pun, tak pernah buat penyelenggaraan pun.

So, sekarang ini kita ambil keputusan, kita *at least some amount* untuk dibuat penyelenggaraan. *Even*, kita pun memberikan peruntukan kepada PIBG untuk membantu pihak sekolah untuk mengelakkan daripada prosedur kewangan dan sebagainya lagi, kita bagi bantuan kepada PIBG...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Bajet ini telah diluluskan kah Dato'?

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Untuk PIBG kita dah salurkan tahun lepas.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tak, bukan PIBG. Untuk bagi RM50 ribu, RM70 ribu bagi setiap sekolah untuk penyelenggaraan...

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Dah, dah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dah lulus?

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Dana itu telah disalurkan...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Now, up to the school to make sure this money is used effectively lah?*

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Okay, good.*

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Kita dah salurkan pun kepada semua sekolah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Then*, kena monitor juga.

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dah bagi duit, *allocation*, kena monitor juga. Kalau tidak, entah dia pakai duit untuk apa pula kan? [*Ketawa*]

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Itu kena...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Itu pihak inilah *kut*. Apa ini, pihak pejabat daerahlah kan?

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Audit. Jabatan Audit akan buat semakan YB.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Tidak jelas]* Jabatan Audit.

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: So, terima kasih.

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Sama-sama.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Terima kasih, YB. Saya *just* tambah sedikit untuk *preventive measures* yang telah disebutkan oleh YB tadi. Sebab itu kita kena monitor penyelenggaraan ini, *especially* yang berada pada skala satu hingga skala lima. Supaya ia dibuat secara berterusan dan secara berkala. Ia dapat mengelakkan apa ini, proses, apa ini, bangunan-bangunan kita berada dalam keadaan yang tidak kondusiflah.

Satu lagi, kalau nak melihat pada cara yang lebih radikal YB, mungkin kita boleh lihat sama ada boleh dibuat secara bentuk konsesi penyelenggaraan seperti yang telah diwujudkan di Kementerian Kesihatan contohnya. Penyelenggaraan memang dibuat secara konsesi. So, preventif itu akan berlaku. Memang kosnya agak tinggi tetapi kita kena kajilah dari kesesuaian dan juga *cost-benefit analysis* ini bagaimana kita boleh laksanakan. Itu pandangan sayalah, YB.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kita kena pastikan dia masuk dalam bajet tahunan.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia Kementerian Kewangan kena ada lah bajet tahunan untuk masukkan peruntukan ini. Kalau tidak, kita cakap duit tak ada dalam bajet. *This one for future saving actually. Rather than we pay billion, billion to do all this.* Terima kasih.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Okey. Kita teruskan dengan pembentangan berikutnya. Slaid. *[Merujuk pada pembentangan slaid]*. Seterusnya pelaksanaan pemantapan pengurusan projek pembinaan semula bangunan daif di mana melalui perbincangan-perbincangan kita yang secara spesifik di dalam JTPK ataupun MTPK, di mana sebarang isu dan cabaran dibincang dan diselesaikan. Hasilnya, kita boleh dapat lihat melalui statistik pada tahun 2023 khusus bagi pelaksanaan projek pembinaan semula bangunan daif di sekolah telah mencapai sasaran yang ditetapkan.

Ini adalah merupakan sinergi antara agensi pelaksana dan rakan strategik KPM dan semua pemegang taruh bagi memastikan sebanyak 47 projek berjaya disiapkan. Sebagai contohnya, pada slaid yang tertera, kita sasarkan 45 projek siap. Tetapi, melalui kerjasama

dan perbincangan yang, yang komprehensif, kita dapat melebihi sasaran iaitu 47 projek. Begitu juga untuk sasaran untuk projek yang ditender, yang dirancang sebanyak 65 projek. Tetapi, kita berjaya, pihak JKR dan juga agensi pelaksana dapat melaksanakan tender sehingga 91 projek.

Pengeluaran SST yang di rancang, 60 projek tetapi dapat dikeluarkan SST sebanyak 81 projek. Perkara-perkara ini, hasil daripada perbincangan kita secara komprehensif dalam mesyuarat-mesyuarat yang telah ditetapkan. Ini kita ada jelaskan tadi. Okey, sebagai bukti juga, kita telah laksanakan Projek Rintis Inisiatif Bitara MADANI di SK Bandar Baru Bangi yang dapat disiapkan dalam tempoh tiga bulan.

Pada masa yang sama, kementerian juga telah memenangi Anugerah Kementerian Terbaik bagi dalam pengurusan dan pematuhan IBS bagi projek kerajaan tahun 2023 dengan kos di atas RM1 bilion. Syor yang terakhir iaitu Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah yang dipengerusikan oleh KPM perlu diperkasakan supaya lebih efektif bagi menangani isu-isu sekolah daif.

Bagi menambah baik fungsi jawatankuasa ini, KPM telah pun membuat penambahbaikan terhadap terma rujukan jawatankuasa dan memperkasa peranan dan fungsi jawatankuasa. Antaranya adalah khusus bagi penambahan penambahbaikan terma rujukan, KPM telah menambah keahlian jawatankuasa yang sebelum ini sebanyak 11 wakil kepada 15 wakil terdiri daripada agensi pusat dan agensi pelaksana.

Empat agensi dan jabatan tambahan yang dah dipersetujui untuk ditambah ialah dari JKPTG, daripada KPKT, daripada Jabatan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ataupun BOMBA. Penglibatan agensi-agensi ini, pada peringkat awal amat penting supaya kita dapat menyelesaikan isu-isu yang berbangkit. Sebab ada, ada kes, projek-projek yang dah sampai ke tahap siap 100 peratus tetapi tak dapat dikeluarkan CPC ataupun diserahkan kepada kementerian disebabkan isu-isu yang berkaitan dengan kelulusan bomba, kelulusan kebenaran merancang daripada PBT dan sebagainya.

So, melalui perbincangan di peringkat awal, kita dah dapat kenal pasti dan cuba penuhi sepenuhnya syarat-syarat ataupun peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan. Selain daripada itu, jawatankuasa juga akan menyelaras kehadiran ahli-ahli jemputan daripada agensi utiliti seperti daripada Tenaga Nasional Berhad, daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, daripada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) berdasarkan keperluan.

Penambahan keahlian ini adalah diperlukan bagi menangani dengan segera isu dan halangan semasa berada di peringkat, di pelbagai peringkat pelaksanaan projek. KPM juga telah memutuskan untuk menambah kekerapan mesyuarat dari dua kali setahun kepada empat kali setahun. Itu setiap suku tahun supaya isu-isu pelaksanaan projek yang memerlukan penyelesaian dapat diuruskan dengan lebih segera.

Kita boleh juga, kalau jika ada keperluan, kita boleh laksanakan melebihi daripada jumlah empat kali mesyuarat iaitu mengikut keperluanlah. Kedua-dua cadangan penambahan ToR ini telah pun dipersetujui melalui mesyuarat jawatankuasa pada 27 Mei 2024. Selain daripada itu, peranan jawatankuasa ini juga diperkasakan dengan memastikan laporan mesyuarat dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Negara sebagai tambahan kepada Laporan Projek Daif yang pada masa ini dikemukakan pada setiap minggu.

Laporan ini juga akan menjadi input kepada KPM dan Ketua Projek Inisiatif MADANI untuk melaporkan kepada peringkat tertinggi negara sekiranya perlu dan ini termasuklah pengemaskinian *dashboard* yang sentiasa dilaksanakan oleh KPM agar pengurusan tertinggi dan semua pemegang taruh projek dapat mengetahui prestasi terkini pelaksanaan. Selain itu, KPM juga memutuskan jawatankuasa akan bertindak sebagai platform yang merangka dan merancang pelan komunikasi yang berkesan untuk memberikan penjelasan kepada pemegang taruh serta promosi pelaksanaan projek pembangunan semula bangunan daif kepada orang awam.

Sebagai penutupnya YB, secara keseluruhannya, KPM percaya tindakan-tindakan susulan dan cadangan yang telah dan sedang dilaksanakan ataupun akan dilaksanakan bersama semua rakan strategik KPM iaitu JKR Malaysia, JKR Sarawak dan JKR Sabah akan dapat memastikan semua syor PAC dapat dicapai dengan baik dalam masa yang, dalam tempoh masa yang munasabah. Penambahbaikan serta tindakan pemantauan verifikasi data sistem maklumat EMIS akan memastikan data bangunan yang berintegriti digunakan sebagai asas perancangan dan pelaksanaan projek sekolah daif.

Manakala bagi aspek pengurusan secara keseluruhannya, semua platform dan jana kuasa sedia ada akan diperkasakan fungsi dan peranan untuk memastikan perancangan dan pelaksanaan projek dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, berkesan dan diselesaikan dalam tempoh yang lebih singkat. Itu saja pembentangan saya, YB. Sekian, *Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih, Encik Wan di atas pembentangan tersebut. Saya nampak Saratok memang tak sabar nak tanya soalan itu. Okey.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *[Ketawa]* Tak ada lah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saratok tanya soalan. Kita bagi ruang seluas-luasnya pada Sabah dan Sarawak untuk ini.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Terima kasih, Pengerusi. Ini adalah kerana sekolah daif ini memang daripada 10, 20 tahun dulu memang sentiasa diketengahkan oleh wakil-wakil dari Sabah, Sarawak. Mengikut perancangan ataupun yang kita hendak ini sekarang ini, nampaknya kita mungkin dapat setiap tahun lebih 100 projek yang buat. Jadi, ada lebih kurang hampir 600 buah sekolah daif.

■1400

Adakah maknanya dalam masa tujuh, lapan tahun sekolah daif itu boleh disiapkan? Untuk jangka masa itu kita kena bagi, spesifik saya rasa. Mungkin tak spesifik secara *general*. Kalau perancangannya ada masa sekarang ini adakah dalam dalam masa lapan tahun kah, tujuh tahun kah masalah sekolah daif ini dapat kita noktahkan? [Ketawa] Memang itu memerlukan dana-dana yang banyak. Mungkin ada *estimate* berapa banyak dana itu? *RM10 billion* kah, *RM15 billion* kah untuk 700 buah sekolah? Itu sahaja untuk *just overall picture of it*.

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Terima kasih YB di atas soalan yang dikemukakan yang agak sukar untuk dijawab. Akan tetapi walau bagaimanapun, kita dari semasa ke semasa memang kita memfokuskan kepada sekolah daif ini. Sebenarnya sekolah daif pun ada dua kategori. Satu secara keseluruhan *one-to-one*. Maksudnya sekolah kita gantikan dengan satu sekolah yang baru. Kebanyakannya sekolah ada satu bangunan sahaja yang daif dan yang lain-lainnya masih lagi boleh digunakan.

Untuk tujuan ini YB sebenarnya kita berdasarkan kepada projek-projek yang memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi kita akan mohon kepada Kementerian Ekonomi. Maksudnya kalau ada 500, kita akan mohon 500. Akan tetapi kalau ada 400, kita akan mohon 400. Akan tetapi terpulang kepada Kementerian Ekonomi dari segi bajet dan sebagainya. Sebab kita tahu Kementerian Pendidikan ini adalah merupakan kementerian yang paling banyak diluluskan peruntukan pembangunan.

Hampir RM5.9 bilion untuk peruntukan pembangunan. Itu pun tidak keseluruhan projek diluluskan. Kita seboleh-bolehnya ingin menyiapkan ataupun dengan kerjasama JKR dan sebagainya lagi. Contohnya pada tahun lepas kita paling banyak diluluskan sekolah baru. 26 sekolah baru diluluskan. Tidak pernah berlaku dalam sejarah, 26 sekolah diluluskan dalam satu *rolling plan*. Semuanya dilaksanakan oleh JKR.

Pada masa yang sama kita diluluskan sekolah daif. 72 sekolah daif campur lima. Itu pun dilaksanakan oleh JKR juga. JKR Sarawak sekarang dah jadi hero ya YB, maknanya semua sekolah daif sekarang dilaksanakan oleh JKR Sarawak. Maknanya JKR Sarawak dah dapat EP182 sebagai Jawatankuasa Teknikal. Mereka bertanggungjawab sepenuhnya untuk projek-projek sekolah daif di bawah RM50 juta. Akan tetapi kalau RM50 juta dan ke atas itu masih lagi dilaksanakan oleh JKR Malaysia.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Kebanyakan sekolah memang *below* RM50 juta saya rasa. Tak apa. Kebanyakan sekolah memang *below* RM50 juta — di bawah RM50 juta kos.

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Ya. Jadi tanggungjawab JKR Sarawak, YB. Jadi selepas ini kalau YB nak tanya YB boleh tanya *direct* JKR Sarawak. [Ketawa]

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Berapa lama ini tadi? Lapan tahun?

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Sebenarnya data pun berubah-ubah YB. Kita pun tak tahu bila akan selesai. Akan tetapi kita seboleh-bolehnya nak menyediakan suasana yang kondusif untuk pelajar-pelajar kita. Dari segi tempoh lama itu saya tak boleh bagi jaminan YB. Akan tetapi kita cuba setakat yang terbaik untuk melaksanakan supaya sekolah ini boleh digunakan sebaik-baiknya dan dalam keadaan yang baik untuk pelajar.

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: Kalau saya boleh tambah sedikit di mana yang Datuk KSU sebut tadi? Data ini sangat dinamik. Dia akan berlaku perubahan sebab kedaifan itu bukan disebabkan tempoh masa sahaja tapi mungkin disebabkan bencana, ribut dan sebagainya. Bila dia terkena bencana dia akan berada pada kategori daif. Sebab itu yang pentingnya adalah *preventive* tadi melalui penyelenggaraan-penyelenggaraan yang berkala.

Dari segi jumlahnya itu memang agak sukar untuk kita tentukan. Akan tetapi fokus utama adalah kepada fasa pelaksanaannya supaya perancangan itu kalau dapat disiapkan dalam tempoh dua tahun ataupun tiga tahun dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Kalau dia lagi *delay*, projek sekolah ini *delay*, projek lain pula akan datang yang daif. Sebab itu kita kena bekerjasama rapat dengan agensi-agensi pelaksana JKR supaya kita dapat selesaikan apa sahaja isu yang berbangkit. Akhirnya projek sekolah itu dapat disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Soalan saya adalah tadi untuk Sarawak. JKR sangat bagus. JKR untuk Sabah macam mana, ya? *[Ketawa]* Macam tidak ada kongsikan langsung. Macam tiada *good news* untuk Sabah.

Saya pun sangat risau sebab *I think* memang ada masalah sebab JKR di Sabah memang dia punya banyak projek yang *on*. Jalan raya, *electricity*, air semua adalah *under* JKR. *I think they are also very full*. Saya tidak tahu *but just now you already — I think KPM already arranged only* skala tujuh adalah *under* JKR. *But even so*, untuk skala tujuh mereka mampu kah kerjasama okey kah, ada *what is the* penambahbaikan untuk tersebut. Sebab *as far as we know* kami pergi lawatan untuk tandas-tandas untuk di-*upgrade* pada tahun lalu, di mana kami ada peruntukan untuk *upgrade* semua *toilets*, bukan?

Actually, untuk projek tersebut pun belum *handover* lagi. Sebab saya minta ICU untuk bawa saya pergi lawat beberapa *toilet* di kawasan Parlimen Sandakan. Akan tetapi ada masalah juga. Belum lagi *handover*. ~~*It is*~~ *It's also the contractor* sebab ada dua *either from* JKR ataupun daripada *local government*, NPS yang digunakan oleh KPM.

I think that all these issues are very, even upgrading toilet pun tidak boleh selesai dalam satu dua tahun. *What about you think of big projects? Maybe can also Datuk KSU explain more on the* libat urus with Sabah punya JKR with KPM. *Or you want to* bukan complaint, *you want to bring up the issues then we can* selesai together.

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Untuk makluman YB *every month* kita berperang dengan JKR Sabah dan Sarawak ini *actually* dalam mesyuarat JTPK. Hari ini pun kita ada Pengarah JKR Sabah di sini.

Encik Petrocelli Joseph [Ketua Penolong Pengarah (Projek Bangunan), Jabatan Kerja Raya Sabah (JKR Sabah)]: Minta maaf Datuk KSU. Bukan pengarah, wakil pengarah. *Amin* kalau jadi pengarah. [Ketawa]

Yang Berhormat YB Pengerusi dan juga YB Sandakan. Dari segi JKR Sabah, kami memang sentiasa bekerjasama dengan KPM *regardless* berapa banyak turun. Memang JKR Sabah juga telah diiktiraf di bawah IP186 sebagai Jabatan Teknikal.

As of now, kami sentiasa berkomunikasi dan seperti Datuk KSU cakap itu setiap bulan berperang dengan KPM mengenai implementasi projek sekolah daif di negeri Sabah. Macam itu. *There is always constant communication. To say* kita cukup kah, tidak cukup, berupaya, tidak berupaya itu saya serahkan kepada pengarah saya untuk jawab YB. Akan tetapi pengarah mesti akan cakap cukup dan kita sentiasa berusaha. Memang begitu.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Berapa *officer* yang JKR Sabah *already* aturkan untuk KPM untuk memantau projek-projek sekolah daif. Ada *certain team* kah?

Encik Petrocelli Joseph [JKR Sabah]: Untuk dalam pembinaan adalah di bawah cawangan saya, Cawangan Projek Bangunan. Kita ada Unit Kerja Pendidikan. Setakat ini termasuk saya kita ada tiga jurutera dan termasuk saya empat untuk memantau sebanyak 70 projek dalam pembinaan sekarang bagi projek-projek KPM termasuk sekolah daif.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Empat untuk 70 sekolah. Satu bulan boleh *hit* berapa sekolah untuk memantau?

Encik Petrocelli Joseph [JKR Sabah]: Okey itu di pihak ibu pejabat, Puan YB. Akan tetapi pemantauan adalah — SO adalah di ibu pejabat, iaitu pengarah termasuk saya. Kami. Akan tetapi SOR adalah jurutera-jurutera daerah, di setiap daerah. Dia begitu. Kami di HQ ini tidak *direct*. Penurunan kuasa pengarah itu, SO itu diturunkan kepada jurutera-jurutera daerah yang berkenaan. Jadi kalau di Sandakan itu YB, jurutera daerah Sandakan dan *team* dia di sana.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Datuk KSU, okey kah jawapan dari JKR? *Are you happy?*

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [KPM]: YB kalau saya boleh tambah sikit. Bukan nak *back up*.

■1410

Dia sebenarnya sebab kenapa isu-isu sekolah daif di Sarawak dan Sabah ini banyak? Sebab kita kena faham dan kita kena akui bahawa cabaran di Sabah dan Sarawak sangat berbeza dengan cabaran di Semenanjung. Dari segi muka buminya, dari segi skopnya, dari segi aksesnya sukarnya, so yang ini yang sentiasa kita kena adakan perbincangan dan kita

memahami *effort* yang dibuat oleh pihak JKR Sabah dan Sarawak. Bagaimana nak menyelesaikan sesuatu isu pelaksanaan pembangunan itu sendiri dan dengan muka bumi yang sebegitu dan juga proses-proses pembekalan bahan binaan dan sebagainya sangat mencabar.

Sebab itu kita kena sentiasa memantau dan memastikan mereka ini dibantu untuk memudahkan proses yang selanjutnya. Sebab itu kalau perlu dibuat keputusan, kementerian akan bantu melalui agensi-agensi pusat. Contohnya, bagi ICU dia akan membantu dari segi isu-isu yang berkaitan dengan pembekal utiliti. So, ini— dengan ini kita akan dapat memastikan projek itu dapat berjalan lancar sampailah dapat disiapkan. Terima kasih.

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Dari segi *manpower* untuk Sabah itu, saya tidak ada komenlah YB tapi setakat ini projek-projek kalau ikut rekod yang ada pada saya ini, kita ada 70— 60 projek. Ini data yang sebelum ini lah, 60 dalam pembinaan dan pra bina pun banyak lagi. Lebih kurang dalam 60 projek lagi untuk pra bina yang masih belum dikeluarkan SST. Ini adalah berkaitan dengan sekolah daif sahaja. Jadi, YB lihatlah dari segi data itu sendiri dan tahun hadapan ini pun mungkin akan bertambah lagi jika diberi kelulusan untuk sekolah-sekolah daif yang baharu. Kita membantulah JKR Sabah dan juga JKR Sarawak dan walaupun kita bergaduh, tapi kita bekerja secara bersama-samalah sebab *sometimes* kerajaan negeri pun memandang berat bagi perkara ini.

Apa yang paling pentingnya, macam mana kita nak mengatasi masalah sekarang. Sekolah daif ada sekarang maknanya pelajar-pelajar ditempatkan di mana dan sebagainya lagi. Sebagai contohnya di— saya ambil contoh di Semenanjunglah YB ya. Tidak ada satu sekolah berdekatan dengan— bukan di Kuala Lumpur, di Cyberjaya kah maknanya, enrolmennya terlalu tinggi sehingga 50 orang pelajar satu kelas. Maknanya dalam kelas tu cikgu nak berjalan pun tak bolehlah. Tapi kita buat *quick wing*, kita buat kabin tambahan yang mengambil masa hanya tiga bulan untuk set tambahan 12 bilik darjah supaya enrolmen itu dapat dikurangkan. Ada dua, tiga sekolah lain pun kita buat perkara yang sama. Jadi, macam tadi contoh Kuala Pilah, katakan dia bangunan tak dilupuskan tapi bangunan tak cukup dan sebagainya lagi. Mungkin kita boleh memikirkan untuk mengadakan kabin dan sebagainya lagi di bawah peruntukan khas yang kita akan buatlah. Sekiranya berlaku ketidakcukupan bilik darjah ataupun enrolmennya terlalu tinggi.

Untuk Sabah dan Sarawak ini, saya mengakuilah projeknya memang agak sukarlah YB sebab tapak-tapak sekolah biasanya atas bukit, perlu kerja tanah yang lama dan kosnya amat tinggi. Kadang ada sekolah yang dibina daripada dulu sampai sekarang pun tak siap-sebab tanah cerunnya asyik runtuh sahaja YB. Maknanya kita terpaksa mengatasi masalah cerun dahulu sebelum kita mengatasi. *At the same time*, sekolah itu dalam proses pembinaan. Jadi, isu-isu tersebutlah yang setengah-setengah itu melewatkan dari segi pembinaan. Ada kalanya di negeri-negeri ini pun pihak PBT juga memainkan peranan yang

penting. Sebab *sometimes* dia ada kebenaran merancang yang hidup. Maksudnya bila diberi, bila mereka merancang kita masuk, bila sekolah dan siap *100 percent*, ada tambahan baharu pula nak itu, nak ini, nak itu, nak ini sebelum dikeluarkan CCC.

Jadi bila nak tambah itu, tambah ini, tambah itu, memerlukan peruntukan yang lebih besar. Jadi KPM terpaksa *sometimes* ambil masa untuk mendapatkan peruntukan daripada Kementerian Ekonomi dan sebagainya lagi untuk memenuhi keperluan PBT untuk mendapatkan CCC. *Sometimes* ada juga halangan dari segi *corridor utility* contohnya. Kalau dulu TNB boleh korek jalan, boleh buat ini tapi sekarang ini nak korek jalan dan nak pasang-pasang kabel kena ada permit untuk korek tanah. Ada permit untuk— macam-macam permitlah. *Sometimes* kalau dulu makan masa seminggu, sekarang ini dia jadi sebulan, dua bulan dan sebagainya. Ini melewatkan kita punya proses untuk mendapatkan kebenaran menduduki ataupun CCC lah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Dato' Pengerusi— Dato' Wira Pengerusi, berikutan dengan apa yang telah disebutkan oleh KPM, di Kapar— saya dari Kapar. Sepatutnya soalan saya mengenai sekolah padat itu semalam keluar. *[Ketawa]* Tidak tahulah kenapa nombor lapan dia. So, yang fasal padat itu, kalau ikut Utusan Malaysia 2022 saya rasa, Sekolah Menengah Kebangsaan Meru ini, 7,000 pelajar. *[Disampuk]* Utusan, satu sekolah. *At least*, apa definisi sekolah padat 4,000 lebih ke atas, kan? So, saya difahamkan mungkin itu adalah yang paling padat. Tidak tahulah yang dekat Selangor kah, dekat Malaysia kah atau mana kan.

Tetapi itu digunakan kaedah sistem apung. Apung maknanya mana-mana kelas yang kosong, yang sekolah itu masuk di situ. Jadi dia akan jadi nomad. Mana-mana tempat dan ruang apa. So, *that is not very conducive*. Meru ni dekat *benor* dengan apa zon industri dan berdekatan dengan Putra— Puncak Alam dan Shah Alam. So, saya minta apalah dia punya tindakan segeralah. Begitu juga Sekolah Kebangsaan Teluk Kapas. Ini sebab Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang juga padat dan telah diluluskan penyuraiannya dengan buat satu sekolah baharu iaitu Sekolah Teluk Kapas yang sepatutnya sudah diluluskan. Sepatutnya sudah boleh dipakai tapi masih lagi dalam *ding dong, ding dong, ding dong* dan saya difahamkan sebab kita orang ini tidak di bagi masuk sekolah. Itu susah nak dapat fakta yang lebih tepat daripada penggunanya kan.

Dikatakan PBT dia punya dia— *the last supper* lah, *the last hurdle* kut ya. Katanya sudah diluluskan oleh KPM dan sebagainya tapi PBT buat satu syarat kena buat jejantas. Untuk makluman KPM dan sebagainya, mungkin boleh digunakan untuk yang lain juga. Di Kapar ini di DUN Sementa ini, jejantas yang telah dibina untuk Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang dulu berapa bulan sahaja pakai, kemudian tak dipakai. Nak guna— pengguna jejantas ini berapa juta. Ini duit— wang awam ini. Berapa juta? Kemudian jadi gajah putih. Orang tak pakai pun.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Gerak dulu ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *So, why is it* nak buat yang baharu, kena buat pula— disyaratkan buat jejantas. Masalahnya yang beribu-ribu itu nak surai bila? Nak surai bila? *So*, saya harapkan KPM *stand by yourself*-lah. Jangan PBT, jangan mensyaratkan benda yang telah pun— bukan akan, telah pun terbukti. Jadi, gajah putih dan tidak dipakai oleh pelajar dan sebagainya. Dia punya bumbung pun dah terkopak dah, ya. Jadi, saya harap apa nak ini lah. Saya sudah tulis surat ini nak beri dekat— nak catat dan nak minta *deal* daripada kementerian. *So, this is serious*. Ini dua sekolah yang saya sebut ini.

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ya, *this is very serious*.

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi [KPM]: Untuk makluman YB, kalau PBT ni kita— KPM tidak boleh nak cakap apalah. Ini bermakna kita terpaksa akur dengan syarat-syarat yang diberikan oleh PBT dan sekiranya kita tak ikut, maknanya kita tidak akan dapat CCC. Itu sahaja. Apa sahaja syarat yang dikenakan oleh PBT walaupun kita buat perundingan, biasanya kita menggunakan ICU JPM untuk berunding dengan PBT untuk kata orang, untuk mengurangkan skop dan sebagainya lagi. Ada setengah-setengah itu, sekolah dah siap pun, dah pakai pun, dah dapat CPO pun. Contoh di satu negeri di selatanlah. Maknanya dah dapat CPO. Kita dah guna pun sekolah itu tapi CCC belum dapat sebab kita kena baiki Jalan Persekutuan itu untuk direndahkan atau ditinggikan. Saya lupa dah. Memang memakan kos agak tinggi juga dan kita perlu lantik kontraktor. Untuk sekolah di Meru ini, Puan Noriyah boleh *update* tak sekolah itu?

Puan Noriyah binti Kandar [KPM]: Okey. Yang Berbahagia YB Dato' Pengerusi, tuan-tuan dan puan-puan. Untuk makluman YB Kapar, untuk SMK Meru ini kita ada— memang ada diluluskan dua butiranlah. Satu untuk perolehan tanah dan satu lagi untuk pembinaan fizikal 42 BD sekolah menengah di SMK Meru di tapak yang akan kita— kita akan belilah. Kalau ikutkan perolehan tapak itu melibatkan empat pemilik individu. *So*, kita dalam proses pengambilan. *So, alhamdulillah*, 27 Mei hari itu— 27 Mei 2024 pejabat tanah dalam proses untuk mengeluarkan borang H. *So*, selepas borang H kita akan dapat lagi notis 5A *and then* kita akan dapatkan notis— notis 5A juga akan keluar borang K lah.

■1420

So, kalau ikutkan, selepas kita dapat Borang K itu, kita akan mohon lah kebenaran masuk tapak daripada negeri. Sebab bila dah kita ambil pengambilan daripada individu, dah bayar pampasan lepas itu baru kita pindah kepada jadi tanah negeri dan kita akan memohon hak milik daripada kerajaan negeri. *So*, apabila dah jadi hak milik kerajaan negeri kita akan mohon kebenaran masuk tapak untuk memulakan kerja-kerja tanah atau kerja awalan (SI) untuk projek SMK Meru 2.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Dah dapat peruntukan belum? Dah minta belum?

Puan Noriyah binti Kandar [KPM]: Peruntukkan sudah. Untuk projek fizikal memang kita dah diluluskan projek untuk SMK Meru 2 itu. Cuma sekarang kita nak selesaikan tanah dulu. *Start* melibatkan empat pemilik individu. So, proses dia lebih panjang lah. Panjang sikit.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Alright.* Jadi, saya kira yang sebelah ini dah masuk ke dalam Dewan, yang ini saja tinggal. Jadi, terima kasih saya ucapkan kepada semua ahli-ahli PAC yang telah pun bertanyakan soalan bagi tindakan susulan ini. Jadi, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berusaha Tuan Ramzi bin Mansor, TKSP Kementerian Kewangan; Yang Berbahagia Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia dan; Yang Berusaha Encik Wan Hashim bin Wan Rahim, Timbalan Ketua Setiausaha KPM dan semua yang terlibat dalam tindakan susulan pada petang ini.

Jadi, besar harapan PAC untuk melihat perkembangan-perkembangan yang positif dan di atas usaha yang telah pun dilakukan oleh semua pihak daripada MoF, KPM dan JKR dan sebagainya. Kami ucapkan terima kasih dan juga semoga usaha ini dapat membantu memberikan lebih banyak lagi maksudnya perkembangan positif terutama sekali untuk anak-anak kita di luar bandar. Saya rasa itu sahaja dan kita tangguhkan prosiding kita pada jam 2.22 petang. Saya rasa itu sahaja. Terima kasih banyak-banyak.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 2.22 petang]



JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur

Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)

E-mel: pacparlimen@parlimen.gov.my

